



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

**Bil. 15**

**Isnin**

**21 Disember 2020**

---

**K A N D U N G A N**

<b>MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA</b>	(Halaman 1)
<b>UCAPAN TAKZIAH</b> Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarhamah Tun Hajah Rahah binti Tan Sri Haji Mohamed Noah	(Halaman 1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b> Mengalu-alukan Ahli-ahli Baharu	(Halaman 2)
<b>PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT</b> Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara	(Halaman 3)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman 4)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 4)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman 22)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 21 Disember 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

Ahli Yang Berhormat ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong (DUN Melaka)  
(Lantikan semula – Pilihan Dewan Undangan Negeri Melaka); dan
2. Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian  
(Lantikan baharu – Lantikan Yang di-Pertuan Agong)

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

**UCAPAN TAKZIAH**

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA  
ALLAHYARHAMAH TUN HAJAH RAHAH BINTI TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, tanggal 18 Disember 2020, hari Jumaat lalu, tepatnya jam 4.30 petang, Tun Hajah Rahah binti Tan Sri Haji Mohamed Noah, berusia 87 tahun telah kembali ke rahmatullah bertemu penciptanya. Sesungguhnya banyak yang boleh dikisahkan melalui keperibadian Allahyarhamah Tun Rahah, seorang wanita dan srikandi yang menjadi contoh kepada rakyat dan kita para Senator.

Semasa hayatnya Allahyarhamah Tun Rahah merupakan sendi kepada Allahyarham Tun Abdul Razak sehingga membolehkan Perdana Menteri Kedua negara itu berkhidmat

dengan cemerlang dan menjadi Perdana Menteri yang amat disegani pada zamannya. Allahyarhamah juga pastinya jadi inspirasi kepada kelima-lima anakandanya.

Kepada seluruh keluarga Allahyarhamah Tun Rahah, Dewan mengucapkan takziah dan berharap agar tabah dalam menghadapi ujian ini. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarhamah dan ditempatkan dalam kalangan hamba yang beriman.

■1010

Ucapan ini hendaklah disimpan di dalam arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada keluarga Allahyarhamah. Oleh yang demikian saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun untuk membacakan surah Al-Fatihah dan bertafakur selama satu minit.

*[Ahli-ahli bangun bertafakur]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BAHARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, di kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan dua orang Ahli Dewan Negara yang baharu iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong yakni lantikan baharu pilihan Dewan Undangan Negeri Melaka. Kedua, Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian, lantikan baharu yakni lantikan Yang di-Pertuan Agong.

Pengalaman, latar profesionalisme dan kepakaran Yang Berhormat berdua diharap dapat digembleng sepenuhnya dengan cerminannya bukan sahaja perlu diterjemahkan dalam sesi persidangan ini tetapi harus meliputi semua aspek agar sesuai dengan kedudukan Dewan Negara selaku badan legislatif tertinggi.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tanggungjawab sebagai Ahli Senat mesti dilunaskan dengan sebaik mungkin. Jalur pemikiran hendaklah diketengahkan secara tuntas, berwibawa serta intelektual mencakupi dan mewakili semua suara kelompok rakyat sama ada negeri, kumpulan minoriti termasuk Orang Asli mahupun badan bukan kerajaan atau NGO tanpa ada yang tercicir.

Sehubungan itu, sukacita saya mengimbas kembali bahawa di bawah kuat kuasa Jawatankuasa Pemilih telah pun kita wujudkan suatu kumpulan bernama Kaukus Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara. Kaukus ini *insya-Allah* akan bekerja sama dengan jawatankuasa yang sedang dirangka di sebelah Dewan Rakyat sendiri dan dengan kedua-dua gabungan tenaga fikir ini, kita akan *insya-Allah* dapat menzahirkan tindakan produk serta

pemikiran membina ke arah mengimbangi tindakan-tindakan sama ada melalui kerajaan mahupun melalui isu-isu yang penting yang dapat dihadapi bersama untuk penyelesaian. Jawatankuasa ini akan menjadi medan penggembleran pemikiran tenaga dan kepakaran melepasi kepentingan kepartian bagi memastikan soal kebajikan rakyat yang hubung kaitnya menyentuh soal kepentingan negara yang dapat dilunaskan bersama.

Ahli-ahli Yang Berhormat, besar harapan kita agar isu-isu berkepentingan rakyat disambut oleh semua Ahli Yang Berhormat bukan sahaja dalam sesi perbahasan di Dewan tetapi juga disalurkan melalui jawatankuasa ini kelak. Dengan kata-kata itu, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Oleh itu, saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan tersebut.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“17 Disember 2020

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) Rang Undang-undang Kewangan 2020.
- (ii) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020.
- (iii) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2020.
- (iv) Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2020.
- (v) Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2020.
- (vi) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2020.
- (vii) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020.
- (viii) Rang Undang-undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020
- (ix) Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.

### **URUSAN MESYUARAT**

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Zaidi Suhaili** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh mana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) untuk tempoh November/Disember 2020 dan bagaimanakah kerajaan menangani kekangan akses internet dan pelajar yang tidak ada peranti ICT bagi pelajar-pelajar luar bandar di seluruh negara terutama Sarawak dan Sabah.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit masa. Jawapan agak panjang dan agak terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri kena akur kepada keputusan yang telah dibuat oleh Dewan ini tentang had masa menjawab sesuatu soalan.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam tempoh sekolah ditutup untuk pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka, Kementerian Pendidikan Malaysia KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi memantapkan pelaksanaan PdPR, manual pengajaran dan pembelajaran di rumah disediakan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pelbagai kaedah PdP yang dapat dilakukan di rumah iaitu dalam talian (*online*), di luar talian, secara *offline* ataupun *offside*, dengan izin.

Secara keseluruhan, guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan perancangan pelaksanaan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid. Bagi menilai tahap keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran semasa tempoh penutupan sekolah, KPM telah menjalankan satu kajian awal iaitu Kajian Keberkesanan Pelaksanaan *Home-Based Learning* bermula pada 18 Mac 2020. Berdasarkan dapatan kajian tersebut pendekatan secara dalam talian merupakan pendekatan yang paling banyak digunakan semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) iaitu dalam lingkungan 70.96 peratus.

Sebagai penambahbaikan kepada kajian ini, KPM melaksanakan pemantauan terhadap sesi PdPR yang dilaksanakan guru dan murid. Berdasarkan laporan pemantauan PdPR di bawah Jawatankuasa Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (JPPSS) KPM dari 17 hingga 30 November 2020, sebanyak 2,699,942 sesi PdPR telah dilaksanakan oleh guru dan murid di sekolah rendah dan menengah KPM di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 64 peratus PdPR dilaksanakan secara dalam talian, 17 peratus secara luar talian dan 19 peratus gabungan kedua-dua kaedah tersebut.

#### ■1020

Pelaksanaan PdP secara dalam talian dapat membantu meningkatkan kemahiran dan kecekapan murid dalam penggunaan ICT. Pembelajaran secara dalam talian juga membolehkan murid meneroka pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mendapatkan maklumat dan mengaplikasikan teori yang dipelajari.

KPM sentiasa berusaha meningkatkan akses internet dan pemilikan peranti- murid di sekolah seluruh negara terutamanya di Sabah dan Sarawak. KPM telah menyediakan capaian jalur internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 100Mbps kepada 10,066 buah sekolah. KPM sedang dalam usaha menyediakan capaian internet teknologi VSAT berkelajuan 30Mbps bagi 141 buah sekolah KPM yang tiada infrastruktur jalur lebar di kawasan sekolah berkenaan. Pemasangan akan dijangka siap pada Februari 2021. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terlebi sikit. Sila, terima kasih.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum panggil lagi. Kira panggillah itu [*Ketawa*]

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tersebut. Bagaimanapun ini soal pendidikan. Soal pendidikan ini ialah kita sentiasa mahu memperbaiki sistem pendidikan kita dari semasa ke semasa.

Jadi soalan saya, sejauh mana kemampuan dan kecekapan guru-guru mengendalikan kelas secara *online* dengan penggunaan aplikasi terkini- *Google Classroom* sedangkan daripada hal formal dan infrastuktur, belum lagi diterima oleh semua guru di seluruh negara. Bagaimanakah kerajaan mengupayakan penggunaan platform baharu aplikasi digital di

kalangan pelajar sedangkan mereka belum pernah didedahkan dengan cara dan norma pembelajaran digital yang dibuat secara *ad hoc* ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan tambahan jangan berlapis dua. Hanya satu soalan tambahan, senang Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat. Menjawab pada soalan Yang Berhormat tadi, saya suka menyebut berkaitan dengan tiga kaedah yang dilaksanakan oleh guru-guru di peringkat sekolah dan di peringkat KPM.

Pertama adalah berkaitan dengan penggunaan peranti yang sesuai. Kita tahu 36 peratus pelajar kita tidak memiliki peranti, maka sebab itu dalam belanjawan, KPM telah meluluskan ataupun Kementerian Kewangan telah meluluskan lebih kurang 150 ribu buah peranti untuk 500 buah sekolah dan itu kaedah yang kita akan guna pakai.

Kedua, kita menggunakan kaedah modul ataupun kita merakam video dan kita sampaikan kepada pelajar. Ini bagi mereka yang tidak memiliki peranti dan inilah inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Ketiga, kita menggunakan kaedah datang ke tempat pelajar. Datang ke tempat pelajar, kita bersemuka dan kita memberi bahan bercetak kepada pelajar.

Berkaitan dengan pendigitalan pelajar ataupun mereka memiliki kemahiran dalam ICT dan digital iaitu di peringkat sekolah, kita akan terus memberi pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan ICT untuk meningkatkan akses kepada pengetahuan mereka dan penguasaan dalam bidang ICT. Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin.

**2. Datuk Donald Peter Mojuntin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah cabaran-cabaran utama ESSCOM dalam mengawal kemasukan pendatang asing tanpa izin dari Negara Filipina di Pantai Timur Sabah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana hadir ke telapak lama.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ESSCOM merupakan satu entiti keselamatan yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mempertahankan kedaulatan kawasan Pantai Timur Sabah daripada dicerobohi oleh anasir-anasir luar yang cuba mengganggu-gugat keamanan dan keharmonian di kawasan berkenaan termasuklah isu pendatang asing tanpa izin.

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ESSCOM dalam menangani isu PATI adalah pertama, kedudukan geografi Pantai Timur Sabah yang berhampiran dengan kepulauan di selatan Filipina dan Indonesia. Faktor ini telah membuka ruang kepada pelbagai bentuk ancaman daripada segi jenayah rentas sempadan termasuk melibatkan pencerobohan PATI, *kidnapping for ransom* dan lain-lain jenayah rentas sempadan.

Kedua, keluasan pesisir Pantai Timur Sabah yang bermula dari daerah Kudat hingga ke Tawau adalah sepanjang 2,344.6 kilometer yang merupakan sebuah kawasan yang amat panjang.

Kewujudan pulau-pulau di luar kawasan perairan Pantai Timur Sabah yang terlalu banyak iaitu sekitar 307 buah pulau turut membolehkan PATI daripada Selatan Filipina dengan mudahnya dapat bersembunyi di pulau-pulau terlebih dahulu untuk mengelak dikesan sebelum memasuki peraturan negara ini secara tidak sah.

Keempat, oleh sebab terdapat pertalian antara penduduk Sabah dan Filipina, pergerakan keluar masuk telah berlaku sejak sekian lama menjadi kebiasaan atau amalan masyarakat setempat, begitu juga di antara Sabah dan Indonesia.

Kelima, kewujudan tali barut dalam kalangan rakyat tempatan yang sentiasa memberikan maklumat mengenai kewujudan dan keberadaan aset-aset laut pasukan keselamatan kepada tekong-tekong laut yang membawa PATI menyebabkan pergerakan masuk mereka ke kawasan perairan Sabah sukar dikawal dan dikesan.

Walaupun terdapat cabaran sebagaimana yang dinyatakan, kerajaan akan terus komited untuk mengoptimumkan jaringan keselamatan di ESSZONE dengan mempertingkatkan kemampuan pasukan keselamatan khususnya daripada segi keupayaan keanggotaan dan perolehan peralatan serta kelengkapan yang canggih dan terkini.

Penambahbaikan dan pembinaan kem-kem baharu akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, teknologi pengawasan elektronik juga akan terus dipertingkatkan sejajar dengan kemampuan kewangan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila, Yang Berhormat Datuk Donald.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa bot-bot laju ESSCOM yang sedia ada sekarang hanya dapat digunakan di kawasan paras air laut yang dalam. Ini amat menyukarkan anggota-anggota ESSCOM untuk memantau kawasan-kawasan pulau yang mempunyai paras air yang cetek, yang digunakan oleh penjenayah-penjenayah dan pendatang-pendatang tanpa izin sebagai laluan bot mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat soalan itu.



**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Ya, soalan. Soalan saya, adakah rancangan dan usaha kerajaan untuk membekal bot-bot laju yang ringan dan yang boleh digunakan di kawasan paras laut yang cetek dan sejauh manakah pelaksanaan untuk menggharamkan penggunaan *pump boat* di kawasan ESSZONE? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betul, kadangkala kita mempunyai aset-aset yang satu ketika kita wujudkan semata-mata untuk menangani segala masalah yang ada tetapi selepas itu aset-aset kita kadangkala juga tidak dapat menandingi apa yang telah pun disediakan oleh penceroboh yang datang, yang tahu akan kewujudan aset-aset kita.

Seperti jawapan saya tadi bahawa ini masalah oleh sebab ramai sangat tali barut yang ada dalam negara kita ini yang menyebabkan mereka tahu waktu bila, masa bila, keadaan bagaimana untuk mereka masuk ke dalam.

Jadi buat masa ini kita akan memastikan seperti jawapan saya, kita menggunakan teknologi-teknologi yang lebih canggih selepas ini bukan hanya bot-bot tetapi juga kawasan pantai kita. Apabila mereka mencerobohi, kita lebih tahu dan kita akan tahu awal daripada sebelum yang dilakukan sebelum ini.

Maka sebab itu *insya-Allah*, selepas ini segala apa yang kita lakukan adalah sesuatu yang dikawal dengan terbaik, mungkin yang akan kita pastikan tidak ada lagi penceroboh-penceroboh yang boleh masuk ke dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee.

**3. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta Perdana Menteri menyatakan keadaan ekonomi semasa, cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh negara dan apa kah langkah yang dirangka dalam memulihkan ekonomi Malaysia daripada kesan pandemik Koronavirus?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]:** Selamat pagi, salam sejahtera. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pandemik COVID-19 telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dekat sikit kepada *mic*.

**Tuan Arthur Joseph Kurup:** ...Ini telah mengakibatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menguncup pada kadar negatif 2.7 peratus dalam tempoh suku yang ketiga. Semua sektor utama ekonomi telah terjejas terutamanya dalam sektor perkhidmatan negatif empat peratus, pembinaan negatif 12.4 peratus, pertanian negatif 0.7 peratus dan perlombongan, negatif 6.8 peratus.

■1030

Walau bagaimanapun, semua kesan negatif ini adalah bersifat sementara dan ekonomi kita dijangka baik pulih pada tahun hadapan. Antara inisiatif yang telah diambil untuk menggalakkan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi kita ialah:

- (i) kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 11 Mac bagi menangani isu-isu dan cabaran semasa ekonomi. EAC yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga memantau impak penularan wabak COVID-19 ke atas ekonomi serta merangka langkah-langkah untuk memulihkan dan merencanakan semula ekonomi negara; dan,
- (ii) kerajaan juga telah melaksanakan beberapa buah pakej rangsangan ekonomi iaitu Pakej PRIHATIN pada 27 Mac, Pakej PRIHATIN TAMBAHAN pada 6 April, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun dan Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN) pada 23 September. Pakej rangsangan ekonomi tersebut berjumlah sebanyak RM305 bilion atau kira-kira 20 peratus kepada KDNK dan merupakan pakej rangsangan antara yang terbesar di kalangan negara-negara yang membangun.

Pada masa yang sama, Belanjawan 2021 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat memperkenalkan pelbagai langkah bagi memacu pemulihan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ini merupakan belanjawan yang inklusif, komprehensif, memberi tumpuan kepada tiga matlamat utama iaitu kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi. Kesemua ini merupakan kesinambungan kepada pakej-pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan sebelum ini.

Bagi tempoh jangka masa panjang pula, penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas yang kini berada dalam peringkat akhir, strategi yang akan dilaksanakan akan mengambil kira pelbagai usaha untuk memulihkan dan memacu semula ekonomi yang terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19 serta menangani isu struktur ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah indikator-indikator utama yang menunjukkan bahawa ekonomi negara dijangka kembali pulih dengan sasaran pertumbuhan sekitar 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada tahun 2021?

**Tuan Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Terima kasih, soalan yang agak baik. Sebenarnya Yang Berhormat, terdapat beberapa indikator yang mula menunjukkan bahawa ekonomi kita sedang dalam proses baik pulih:

- (i) sektor peruncitan mula menunjukkan pemulihan secara beransur-ansur;
- (ii) kadar penginapan hotel di seluruh negara meningkat kepada 24.3 peratus selepas PKPB ditamatkan dan aktiviti merentas negeri mula dibenarkan;
- (iii) harga minyak sawit mentah telah kembali mencecah paras melebihi RM3,000 per tan pada bulan November ini iaitu RM3,422 per tan; dan,
- (iv) harga getah SMR 20 meningkat ke paras tertinggi kepada RM6.33 sekilogram pada bulan November.

Semua indikator ini mula menunjukkan bahawa ekonomi kita sedang dalam proses baik pulih khususnya dalam peningkatan harga komoditi juga akan meningkatkan pendapatan boleh guna pekebun dan rakyat dan akhirnya akan meningkatkan lagi perbelanjaan dan penggunaan swasta dan seterusnya dapat merancakkan lagi aktiviti ekonomi kita supaya kita dapat mencapai sasaran pertumbuhan kita pada tahun hadapan. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Tanam pinang rapat-rapat;  
Soalan saya nombor empat.*

**4. Tuan Ismail bin Yusop** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apa langkah-langkah tindakan kementerian yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam mempromosikan talian e-dagang untuk usahawan mikro, Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) serta statistik terkini keterlibatan usahawan yang berkenaan.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha dalam menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana dan usahawan mikro menggunakan teknologi digital khususnya aplikasi e-dagang dalam perniagaan.

Contohnya pertama, program eUsahawan yang merupakan pembelajaran secara luar dan dalam talian yang menyediakan pengetahuan dan ilmu keusahawanan digital kepada usahawan mikro, desa dan belia untuk menjana pendapatan, menjalankan pemasaran produk dan meningkatkan penjualan. Sehingga November 2020, seramai 394,894 orang usahawan telah dilatih dan daripada jumlah ini, seramai 155,885 orang telah berjaya melaporkan jualan sebanyak RM965.48 juta.

Kedua, Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) iaitu satu program membantu para usahawan luar bandar mendigitalkan perniagaan mereka yang selama ini dilakukan secara *offline*, dengan izin. Program ini menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan bantuan sokongan. Sehingga November 2020, sebanyak 32 buah pusat internet telah diaktifkan dengan program PeDAS.

Contoh ketiga ialah inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau dengan izin, *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) yang merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport PKS tempatan ke luar negara. Sehingga kini, lebih daripada 20 ribu orang PKS tempatan yang telah berdaftar serta menyertai program ini bagi tujuan menempatkan produk mereka dalam platform atau pasaran maya serantau dan global.

Contoh keempat ialah program, dengan izin, *Go-eCommerce*, merupakan pusat sumber dalam talian yang mempunyai pelbagai rujukan dan panduan lengkap untuk membantu PKS dan usahawan mikro untuk menyertai dan menggunakan aplikasi e-dagang. Sehingga ini, platform *Go-eCommerce* telah mempunyai lebih 260 ribu orang pengguna.

Manakala di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), MDEC melaksanakan beberapa inisiatif contohnya ialah:

- (i) kempen e-dagang untuk PKS dan usahawan mikro yang telah melibatkan lebih 45 ribu orang PKSM baru yang mendaftar dan sebanyak 115 ribu orang PKSM telah mendapat manfaatnya; dan,
- (ii) kempen Shop Malaysia Online yang telah memberi manfaat kepada seramai 210 ribu orang peniaga Malaysia umumnya.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri sebab hadir bersama di Dewan memberi penjelasan dan jawapan. Silakan.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya ringkas sahaja. Apakah usaha-usaha kementerian untuk membantu usahawan mikro dan PKS mengatasi isu penipuan dalam urusan niaga e-dagang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Ada dua perkara. Pertama, daripada segi pendidikan dan kesedaran kepada PKS dan juga usahawan mikro untuk mereka memahami selok-belok apabila berdagang secara dalam talian, kemungkinan-kemungkinan untuk ditipu dan sebagainya.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, daripada kerangka yang lebih besar, ini soal keselamatan siber secara keseluruhannya. Kita sudah mempunyai apa yang dipanggil sebagai Pelan Tindakan Keselamatan Siber Negara yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Oktober yang lepas dan ada sebuah jawatankuasa khusus tentang keselamatan siber yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan yang melihat soal-soal penipuan, *scam*, dengan izin, dan sebagainya.

■1040

Kita perlu dua-dua ini. Kita perlu kesedaran di kalangan para pengguna termasuk usahawan mikro dan PKS. Akan tetapi, pada waktu yang sama kita juga perlu kerangka termasuk keperluan undang-undang untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Apa yang jadi masalah Tuan Yang di-Pertua, ada masanya penipu ini lebih cerdik daripada kita. Jadi, kita kena harus sentiasa ke hadapan untuk berhadapan dengan kemungkinan-kemungkinan yang tidak begitu baik ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Beralih kepada Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum.* Tuan Yang di-Pertua, berbudi kami berbahasa, soalan saya nombor lima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila Yang Berhormat.

**5. Puan Raj Munni binti Sabu** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rasionalnya diwujudkan Pertubuhan Penggerak Komuniti Negara?

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni.

Tuan Yang di-Pertua, Penggerak Komuniti Negara tidak ditubuhkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Penggerak Komuniti Negara salah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang diterima oleh KPKT sebagai rakan strategik Dasar Komuniti Negara (DKOMN) seperti mana juga sebahagian NGOs yang lain.

Kerjasama yang dijalankan dengan Penggerak Komuniti Negara adalah khusus untuk membantu KPKT dengan menggalakkan penglibatan komuniti setempat untuk turut serta dan melaksanakan program-program Dasar Komuniti Negara yang telah dikenal pasti. Dasar Komuniti Negara telah dilancarkan pada 17 Februari 2019 dan matlamat utama adalah untuk mendaya upaya komuniti setempat supaya terlibat aktif dalam usaha penyelenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama serta membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan.

Salah satu objektif Dasar Komuniti Negara memupuk kerjasama strategik antara komuniti dengan sektor awam, sektor swasta dan NGO dalam membangunkan komuniti setempat. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menubuhkan Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) di 19 Program Perumahan Rakyat (PPR) yang terpilih fasa pertama.

Pusat Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) yang telah ditubuhkan bertindak sebagai pemangkin dan pemantau kepada entiti dan komuniti yang terlibat dengannya. Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) juga berperanan sebagai pemudah cara dan

penjalin hubungan antara komuniti dengan agensi kerajaan swasta dan badan bukan kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Penggerak Komuniti Negara selaku rakan strategik Dasar Komuniti Negara boleh menjalinkan kerjasama bagi membantu PSMK untuk mendukung hasrat yang ditetapkan oleh Dasar Komuniti Negara. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga menggalakkan NGO lain untuk menjadi rakan strategik Dasar Komuniti Negara. Ini adalah untuk memastikan proses pemerkasaan komuniti berjalan dengan lancar dan seterusnya mengurangkan kebergantungan komuniti dengan pihak kerajaan.

Dalam konteks ini, kerjasama strategik yang dijalankan antara PSMK dengan Penggerak Komuniti Negara tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada KPKT. Sehubungan dengan itu, Penggerak Komuniti Negara menjalankan aktiviti dengan menggunakan peruntukan mereka sendiri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Raj Murni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah hubungan di antara Penggerak Komuniti Negara dengan Penggerak Komuniti Tempatan? Ini kerana di dalam Bajet 2020, mereka diperuntukkan sebanyak RM2.6 juta, manakala tahun 2021 mereka diperuntukkan sebanyak RM8.6 juta? Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, bahawa Penggerak Komuniti Negara tidak ditubuhkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini bermakna KPKT tidak bertanggungjawab kepada Penggerak Komuniti Negara dan tidak ada peruntukan yang kita beri kepada Penggerak Komuniti Negara, dia ada peruntukan sendiri, dia cari sendiri. Saya sebutkan di hujung jawapan saya tadi.

Sementara Penggerak Komuniti Tempatan, ditubuhkan sebagai salah satu usaha KPKT untuk merakyatkan Dasar Komuniti Negara. Maknanya, Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) ini adalah di bawah kita. Kita memberikan sokongan menguatkan Dasar Komuniti Negara. Kena faham, sebab itulah Penggerak Komuniti Tempatan ada peruntukan seperti mana Yang Berhormat Senator sebutkan tadi.

Jadi, saya ingat tidak ada kekeliruan. Cuma, mungkin daripada segi terminologi. Oleh sebab itu, bagi saya, bagi kita kementerian, sekarang ini pun bukan sahaja Penggerak Komuniti Negara yang berada dengan kita sebagai pemangkin kepada penggerakan untuk komuniti ini, tetapi kita juga bersedia untuk menerima NGO-NGO yang lain, yang boleh membawa pembangunan dan menggerakkan komuniti di semua tempat bagi membangunkan mereka dan juga bagi membangunkan negara keseluruhannya.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, pada saya tidak timbul masalah dalam perkara ini bahkan kalau kita lihat Penggerak Komuniti Negara merupakan sebuah badan NGO yang berdaftar dengan pendaftar pertubuhan. Jadi, mereka berjalan mengikut undang-undang yang telah pun disediakan. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan nombor enam iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun ditiadakan dan disusul hendaknya dengan jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin mengalami sedikit keperihalan kehilangan ibunda beliau. Di atas meninggal dunianya, Dewan mengucapkan Al-Fatihah dan terbaik bagi roh ibunda Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin.

Saya terus kepada soalan nombor tujuh Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy.

*[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Kamarudin bin Abdun tidak hadir]*

**7. Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah perincian penyertaan wanita dalam perusahaan mikro, kecil, sederhana dan besar mengikut kaum. Apakah jenis bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada wanita-wanita ini mengikut kaum dari tahun 2014-2020?

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan Bancian Ekonomi tahun 2016, jumlah usahawan PKS berdaftar di Malaysia sebanyak 907,065 dan daripada jumlah tersebut, 100,086,855 ataupun 2.6 peratus PKS milikan wanita.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dalam membantu usahawan wanita mengikut kaum dari tahun 2014 hingga 2020 adalah seperti berikut. Sepanjang tahun 2014 hingga 2020 sebanyak RM1.85 bilion iaitu dalam jangka masa enam tahun Tuan Yang di-Pertua, dana kewangan telah disalurkan kepada seramai 100,076,356 orang usahawan wanita melalui pelbagai program bantuan pembiayaan oleh MEDAC melalui agensi-agensinya di bawahnya.

Contohnya, TEKUN, Bank Rakyat mempunyai pecahan bantuan pembiayaan kepada usahawan wanita mengikut kaum seperti berikut. Bank Rakyat telah meluluskan pembiayaan kepada 14,397 orang usahawan wanita dengan jumlah terkumpul kelulusan sebanyak RM225.22 juta dari tahun 2014 hingga 2020.

Mengikut kaum ialah Bumiputera seramai 13,911, jumlah bantuan sebanyak RM211,362,313. Kaum Cina seramai 144,08 berjumlah bantuan ialah RM8,773,500. Kaum India seramai 237 dengan jumlah bantuan sebanyak RM3,414,300. Lain-lain 105, bantuan

sebanyak RM1,672,000. Jumlahnya ialah seramai 14,397 dan jumlah bantuan iaitu seperti mana yang saya sebutkan tadi RM225,222,113.

Manakala TEKUN telah menyalurkan jumlah RM1.62 bilion kepada 161,522 orang usahawan wanita di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini ada panjang sikit kerana ia detil. Jadi, boleh saya baca ataupun berikan secara bertulis?

■1050

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri secara bertulis pun bagus. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Ada atau tidak usaha-usaha spesifik untuk meningkatkan penglibatan kaum wanita yang dinyatakan sejumlah 20.6 peratus tadi? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, pada tahun 2020 ini saya telah membuat beberapa program yang telah menjurus kepada pembangunan usahawan wanita. Pertama, Tuan Yang di-Pertua bahawa saya telah melantik Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjadi pengerusi sebuah jawatankuasa ditubuhkan di bawah kementerian khusus untuk membangunkan usahawan wanita dan koperasi wanita. Ini berbangkit oleh sebab koperasi wanita dan usahawan wanita yang sangat terjejas semasa pandemik COVID-19 MCO ini berlaku.

Selain daripada itu, saya juga mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam. Tujuannya ialah untuk membantu pihak usahawan ini termasuk usahawan-usahawan wanita. Jadi, dalam keadaan ini ramai- sebenarnya kita berhadapan peningkatan daripada gerakan dan tindakan yang bakal ditumpukan oleh pihak kementerian untuk membangunkan dan menggerakkan kumpulan wanita ini untuk terlibat dalam keusahawanan. Ia bukan sahaja memberi hala tuju baru dalam sudut keusahawanan, ia juga melihat sebagai alternatif kepada *employment* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan penghargaan kita atas kehadiran. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

**8. Tuan Robert Lau Hui Yew** minta Menteri Kesihatan menyatakan, ahli panel pemilihan dan kriteria bagi menawarkan jawatan tetap kepada Pegawai Perubatan (MO) dan Pegawai



Pergigian Berkontrak, bilangan MO dan Pegawai Pergigian Berkontrak yang berasal dari Sarawak dan berkhidmat di Sarawak yang telah memohon jawatan tetap bagi tempoh 2015 hingga 2019 serta peratusan yang berjaya mendapat jawatan tetap.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang dilantik secara kontrak bagi tujuan menjalani latihan siswazah dan atau khidmat wajib di KKM boleh dipertimbangkan untuk lantikan tetap tertakluk kepada memenuhi syarat pelantikan tetap dan kekosongan jawatan.

Proses penilaian bagi tujuan pelantikan tetap dibuat sepanjang tempoh latihan siswazah bagi Pegawai Perubatan atau khidmat wajib bagi Pegawai Pergigian. Pegawai dinilai oleh penyelia dan pakar yang membimbing pegawai dalam tempoh latihan siswazah dan khidmat wajib.

Semua pencapaian semasa latihan siswazah dan khidmat wajib pegawai akan dikumpulkan serta disaring oleh program dan kemudiannya dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan Lantikan Tetap di peringkat ibu pejabat KKM. Ini bagi memastikan proses penilaian dan penilaian dilaksanakan dengan telus dan adil. Cadangan pelantikan tetap yang telah dimuktamadkan akan diangkat kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Setiausaha untuk mendapat persetujuan sebelum diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku pihak berkuasa yang melantik.

Sehingga 7 Disember 2020, untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang telah dilantik kontrak sejak tahun 2016 adalah seramai 26,787 orang. Pecahan mengikut skim perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Pegawai Perubatan melibatkan seramai 22,296 orang; dan,
- (ii) Pegawai Pergigian melibatkan seramai 4,491 orang.

KKM telah membuat penambahbaikan dengan memberi keutamaan pelantikan secara tetap Pegawai Perubatan daripada kalangan anak kelahiran Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk ditempatkan di fasiliti kesihatan negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga 7 Disember 2020, pegawai perubatan lantikan kontrak yang layak dipertimbangkan untuk lantikan tetap bagi kohort tahun 2016 dan tahun 2017 yang telah tamat latihan siswazah adalah seramai 2,544 orang dan jumlah ini melibatkan seramai 170 orang anak kelahiran Sarawak. Daripada itu, seramai 108 orang anak Sarawak dapat lantikan tetap. Untuk pergigian, seramai 85 orang anak kelahiran Sarawak yang mana 50 orang daripada anak kelahiran Sarawak telah pun dilantik sebagai Pegawai Pergigian tetap. Terima kasih.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya apakah perancangan pihak kementerian untuk memastikan setiap klinik di luar bandar di

Sarawak mempunyai khidmat Pegawai Perubatan terutamanya pegawai yang berasal dari Sarawak?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada beberapa buah hospital yang utama dan klinik kesihatan di Sarawak. Kita memenuhi *ratio* antara negeri-negeri dan juga jumlah perjawatan setiap jawatan yang dipertimbangkan iaitu perubatan dan pergigian.

Contoh untuk Kuching, kita ada menyiapkan *ratio* seorang pakar perubatan kepada 2,200 orang contohnya. Di Sibu seorang pakar perubatan kepada 3,500 orang penduduk contohnya. Di Miri seorang pakar perubatan kepada 4,000 orang penduduk dan Bintulu, seorang pakar perubatan kepada 4,007 orang penduduk. Kita juga meletakkan pegawai perubatan masyarakat ataupun *family medicine specialist* (FMS) di beberapa buah tempat dalam Sarawak. Ketika ini ada sebanyak 33 buah FMS telah diletakkan di semua klinik dalam negeri Sarawak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

**9. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, berapakah bilangan universiti awam dan swasta yang telah mengurangkan atau membatalkan sebahagian yuran pengajian bagi pelajar-pelajar universiti akibat penularan pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan yang dilakukan pihak kerajaan?

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan ini dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama dan yuran aktiviti atau perkhidmatan universiti awam di kesemua universiti awam sehingga sejumlah 15 peratus setelah mengambil kira keupayaan kewangan kerajaan dan universiti awam.

Pengurangan yuran tersebut adalah bagi semester kedua sesi akademi 2019/2020 untuk semua pelajar warganegara Malaysia. Sebanyak RM72 juta telah diperuntukkan yang mana RM20 juta merupakan peruntukan tambahan kerajaan dan RM62 juta menggunakan sumber dalaman universiti awam. Seramai 523,318 orang pelajar di universiti awam di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada keputusan ini. Langkah yang sama juga telah diteruskan bagi universiti awam bagi pengajian semester pertama sesi akademik 2020/2021.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga institut pendidikan tinggi swasta adalah dikawal selia di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan diuruskan oleh syarikat yang diperbadankan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mempunyai lembaga pengarah syarikat sendiri di bawah Akta 777. Selaras

dengan itu, penetapan kadar yuran IPTS adalah di bawah tanggungjawab lembaga pengarah syarikat berpandukan kepada kadar yang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Bagi memastikan kebajikan pelajar IPTS terjamin, KPT telah menetapkan bahawa tiada sebarang permohonan kenaikan yuran daripada IPTS yang akan dipertimbangkan dan akan diluluskan bermula 1 Jun 2020. Ini bagi memastikan kelangsungan dan aspek akses kepada pendidikan tinggi serta mengekalkan daya saing IPTS. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, bolehkah kementerian menyenaraikan nama universiti awam dan universiti swasta yang tidak mengurangkan atau membatalkan sebahagian yuran pengajian bagi pelajar-pelajar universiti akibat penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat Menteri rasa hendak beri jawapan bertulis pun boleh juga sebab...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Saya jawab secara...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...sebab senarai itu bukan senang hendak ingat semua, kan?

[Ketawa]

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** [Ketawa] Saya jawab pendek Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.*

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada sebuah pun daripada universiti awam yang tidak membayar.

#### ■1100

Ini bermaksud kesemua 20 buah universiti awam telah memberikan pengurangan yuran sekurang-kurangnya 15 peratus bagi semester kedua sesi akademi 2019/2020 dan semester pertama sesi akademi 2020/2021. Pengurangan yuran ini sebenarnya Yang Berhormat, akan melibatkan jumlah sebanyak RM70,290,088.

Mengenai IPTS pula seperti yang saya maklumkan tadi, penetapan yuran sebuah IPTS ini di bawah kuasa lembaga pengarah syarikat berpandukan kepada kadar yang telah diluluskan oleh KPT.

Jadinya untuk makluman Yang Berhormat juga, IPTS ini tidak menerima sebarang subsidi daripada pihak kerajaan untuk menampung kos operasi mereka. Walau bagaimanapun untuk memastikan IPTS mengekalkan daya saing dan kebajikan pelajar IPTS ini terpelihara, KPT telah tetapkan bahawa tiada sebarang permohonan kenaikan yuran itu dibenarkan. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong.

**10. Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, sejauh mana pelaksanaan inisiatif Identiti Digital Nasional dalam usaha untuk membanteras masalah siber dan bagaimanakah pelaksanaan inisiatif ini dapat memenuhi keperluan khususnya dalam perkhidmatan awam dan swasta.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Identiti Digital Nasional merupakan pengesahan identiti seseorang individu secara elektronik. Ini berdasarkan ciri-ciri biometrik seperti cap jari, pengecaman wajah, iris dan maklumat demo grafik seperti nama dan tarikh lahir. Ia mengesahkan identiti seseorang individu berdasarkan ciri-ciri biometrik dan maklumat demo grafik bagi memastikan urusan perkhidmatan terutamanya dalam talian dapat dilaksanakan dengan cepat, mudah, selamat, terlindung dan terjamin. Ini sebagai tambahan kepada MyKad yang dilaksanakan secara fizikal.

Selain itu, ia juga berpotensi mengelakkan berlakunya jenayah pemalsuan dan penipuan identiti secara dalam talian. Identiti Digital Nasional amatlah penting bagi membolehkan kesalinghubungan pelbagai sistem transaksi bagi memudahkan pengguna berurusan di mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah melaksanakan kajian dan rundingan awam bagi membangunkan rangka kerja Identiti Digital Nasional pada bulan November 2019 hingga Ogos 2020. Konsep Identiti Digital Nasional ini telah mendapat sambutan yang positif dan secara amnya Malaysia berada dalam kedudukan terbaik untuk memulakan atau melaksanakan inisiatif ini. Sistem ini apabila dibangunkan adalah berdasarkan amalan terbaik. Contohnya rangka kerja keselamatan siber sektor awam dan tadi saya sebutkan dan saya hendak betulkan sedikit sebutan saya semasa menjawab soalan awal tadi. Sebenarnya ialah Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020 hingga 2024.

Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya untuk mewujudkan struktur tadbir urus bagi menyelaraskan pelaksanaan dan promosi Identiti Digital Nasional ini secara terselaraskan dan strategik yang bakal diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri. Kalau dilaksanakan nanti, tentulah di bawah agensi yang terlibat, berkemungkinan besar ialah Jabatan Pendaftaran Negara. Terima kasih.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian merancang atau bercadang untuk mengguna pakai teknologi baharu seperti *blockchain* bagi inisiatif identiti digital? Apakah

langkah yang bakal diambil oleh kementerian untuk penggunaan *blockchain* bagi melengkapikan mekanisme identiti digital? Sekian, terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melaksanakan kerangka kerja Identiti Digital Nasional kita, dengan izin, *technologically neutral*. Ia bermakna kita menggunakan apa sahaja teknologi yang sesuai dan yang terkini. Namun demikian, secara *detail*-nya ini masih dibincangkan.

Oleh sebab ia melibatkan urusan-urusan kerajaan dan juga perkara-perkara yang melibatkan keselamatan rakyat, maka di samping ia diterajui- *insya-Allah* oleh Kementerian Dalam Negeri, ia juga harus dilaksanakan misalnya untuk memastikan tidak berlaku ketirisan data dan sebagainya. Dalam konteks ini, secara khusus sebuah pasukan kerja diketuai oleh MAMPU dan didukung bersama oleh Agensi Keselamatan Siber Negara dan Siber Sekuriti Malaysia sama-sama menguruskannya. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, ia melibatkan soal keselamatan yang harus diambil kira dengan cara yang sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Asmak binti Husin.

**Puan Asmak binti Husin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua,

*Meneliti isu biarlah jelas;  
Soalan saya nombor sebelas.*

**11. Puan Asmak binti Husin** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, tindak balas kerajaan terhadap laporan tentang hal kanak-kanak di Malaysia oleh *Child Rights Coalition Malaysia* (Gabungan Hak Asasi Kanak-kanak Malaysia) yang didapati mempunyai fakta yang meragukan tentang Malaysia dan langkah untuk mengatasi isu ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan telah mengambil maklum akan pemerhatian dan syor-syor yang telah dinyatakan dalam Laporan Status Hak Kanak-kanak di Malaysia 2019 yang telah diterima secara rasmi daripada CRCM pada 19 November 2020 yang lepas. Dalam hal ini, kerajaan menghargai usaha mana-mana pertubuhan bukan kerajaan di lapangan yang memainkan peranan sebagai aktiviti bebas- *watchdog* dalam menyediakan laporan pemerhatian sebagai semakan dan imbang atas inisiatif kerajaan untuk memelihara kepentingan terbaik bagi kanak-kanak.

Pada masa yang sama, kerajaan juga turut melihat pihak NGO sebagai sektor ketiga- *third sector*, dengan izin, yang dalam penyampaian perkhidmatan alternatif kepada

masyarakat terutamanya dalam sektor yang tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan. Oleh itu kerjasama antara kerajaan dan NGO sinergi yang perlu dalam memberi advokasi kepada masyarakat bagi memelihara kepentingan terbaik bagi kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat menghargai kebimbangan Yang Berhormat berkaitan dengan fakta dalam laporan yang dilihat tidak tepat dan bercanggah. Dalam hal ini, sebarang percanggahan fakta atau maklumat yang kurang tepat akan ditangani melalui proses penyerahan pembentangan laporan negara kepada jawatankuasa CRCM kelak. Dijangka laporan negara akan dikemukakan kepada jawatankuasa CRC pada awal tahun 2021. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan laporan yang telah dikemukakan oleh pihak berkenaan jelas membuktikan ia boleh menjejaskan nama baik negara di peringkat antarabangsa. Adakah pihak kementerian akan memanggil pihak berkenaan yang telah menghantar laporan tersebut untuk mendapatkan penjelasan sewajarnya? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian kita telah menerima laporan tersebut secara rasmi dalam majlis pelancaran atas talian pada 19 November 2020. Laporan alternatif sebegini adalah salah satu daripada sumber rujukan jawatankuasa CRC dalam menilai dan memberi cadangan penambahbaikan kepada inisiatif kerajaan.

Jadi seperti yang saya telah sebutkan tadi, kerajaan sedang dalam usaha peringkat akhir untuk mengemukakan laporan negara CRC kepada Jawatankuasa CRC. Jadi sehubungan itu, sebarang penjelasan bagi pihak kerajaan akan dilaksanakan melalui platform rasmi kita melalui pembentangan laporan negara CRC sebagai sebahagian daripada dialog konstruktif antara kerajaan dan pihak NGO.

Jadi dalam hal ini, penyediaan laporan alternatif oleh pihak NGO sebenarnya tidak menjejaskan nama baik negara sebab kita tidak mengambil itu sebagai platform utama kita, cuma hanya sebagai bahan asas. *Insyaa-Allah* kita akan membuktikan bagaimana kedudukan yang sebenar yang berlaku dan kita membuktikan bagaimana kerajaan kita sentiasa menghormati dan menjaga nama baik negara kita terutama dalam melibatkan isu-isu pelaksanaan hak terhadap kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhir kita pergi kepada soalan Datuk Mohan a/l Thangarasu.

**12. Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah sebarang insentif dalam bentuk pengecualian cukai diberi terhadap syarikat-syarikat swasta yang mengalami kesukaran untuk terus beroperasi dalam musim pandemik COVID-19 sekarang?

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk pengecualian cukai diberikan kepada syarikat-syarikat swasta yang mengalami kesukaran untuk beroperasi susulan penularan wabak COVID-19. Secara prinsipnya, syarikat yang mengalami pengurangan pendapatan akan dikenakan cukai yang lebih rendah. Malahan sekiranya syarikat berkenaan merekodkan kerugian, kerugian tersebut boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak ke atas keuntungan masa hadapan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 36 langkah cukai yang telah diberi di bawah pakej-pakej rangsangan tersebut bagi membantu industri perniagaan dan individu termasuk untuk:

- (i) membantu aliran tunai;
- (ii) merencanakan pelaburan dalam negara;
- (iii) menarik pelaburan asing; dan
- (iv) menyokong kepada adaptasi norma baru.

Misalnya bagi membantu meringankan aliran tunai perniagaan, kerajaan menyediakan insentif dan langkah-langkah cukai seperti antaranya:

- (i) penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan kepada perusahaan kecil dan sederhana untuk tempoh tiga bulan daripada 1 April 2020 hingga 30 Jun 2020;
- (ii) penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan untuk tempoh enam bulan kepada perniagaan di bawah industri pelancongan daripada 1 April 2020 hingga 30 September 2020, dan telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 di bawah pakej PENJANA; dan
- (iii) rebat cukai pendapatan sebanyak RM20 ribu setiap tahun untuk tempoh tiga tahun diberi kepada PKS yang beroperasi mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021.

Langkah-langkah di atas antaranya diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu memastikan syarikat dan perniagaan terus beroperasi, berdaya tahan dan bersaing serta menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Tidak mengapa, nanti setelah bahas, saya ada soalan lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sampai kita ke akhir sesi soalan dan jawapan. Sebagai nota, kita ulangi agar bagi penyoal terus menghormati had masa dan lihat jam di sebelah hadapan. Begitu juga bagi pihak kementerian khususnya Yang

Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri agar melihat jam di hadapan masing-masing. Ini bagi mewujudkan dan melestarikan disiplin serta kekemasan kita di Dewan yang mulia ini. Diharapkan soalan 13 hingga 55 diberi jawapan bertulis oleh pihak-pihak yang berwajib.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. **[17 Disember 2020]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**11.13 pg.**

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang dalam membahaskan Belanjawan 2021 di Dewan Negara yang mulia ini. Sebelum saya bahas dalam tempoh yang diberikan, saya mulakan dengan seloka budi.

*Cahaya redup menyegar padi;  
Ayam berkokok mengirai tuah;  
Jikalau hidup tidak berbudi;  
Umpama pokok tidak berbuah... [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu macam bunyi budi ciptaan kita itu Yang Berhormat, *alhamdulillah.*

**Datuk Razali bin Idris:** Itulah dia. Rangkap seloka ini sebenarnya terkait alam Belanjawan 2021 kerana setiap inti pati yang dibentangkan itu budi kerajaan kepada rakyat dan juga negara- "Teguh Kita, Menang Bersama." Slogan yang tepat dan saya sangat mengalu-alukan niat murni kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan serta pasukan dalam memastikan tiada yang tercicir. Namun saya percaya, rakyat mendengar, kerajaan mendengar setiap perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini.



Tuan Yang di-Pertua, belanjawan membabitkan tiga buah teras utama. Perlu menunjukkan keyakinan kerajaan bahawa kerajaan yang sedia ada sekarang benar-benar berkeupayaan untuk mengembalikan semula ekonomi selepas negara mengalami tekanan akibat COVID-19. Terus terang saya katakan, kami di sini sebagai Ahli Parlimen Dewan Negara sentiasa berusaha dan bersikap positif dalam membahaskan Belanjawan 2021.

Justeru itu, kerajaan juga perlu bersikap ke hadapan untuk menambah nilai atau sedikit *adjustment*, dengan izin, atas justifikasi dan idea yang dilontarkan oleh Ahli -ahli Dewan Negara. Semuanya ini dilakukan demi kesejahteraan rakyat.

Belanjawan 2021 yang diluluskan oleh Dewan Negara pada 15 Disember 2020 ini mendengar suara dari akar umbi. Cuma apa yang blok pembangkang tidak setuju adalah mungkin daripada nilainya, caranya dan perkara itu adalah untuk penambahbaikan. Realitinya sekarang ialah kita melihat kerajaan dan pembangkang *are doing a good job*, dengan izin, di Dewan Rakyat dan begitu juga di Dewan Negara hendaknya.

***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak bangkitkan dahulu ialah soal pendidikan dan pengajian tinggi. Ini kerana kebanyakan mereka terjejas dalam soal kesihatan mental, soal kewangan dan soal pembelajaran. Peruntukan besar untuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dilihat hanya memfokuskan kepada penambahbaikan infrastruktur universiti, naik taraf akses *Malaysian Research and Education Network* (MYREN), pengenalan Skim Pinjaman Komputer Riba untuk pelajar institusi pengajian tinggi dan pelepasan cukai bagi simpanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kira perkara-perkara lain seperti berikut, tiada pengumuman semula skim *MyBrain*, bantuan khas prihatin untuk golongan pelajar dan mahasiswa, tiada juga pengenalan kad prihatin siswa dan baucar buku serta insentif untuk golongan pelajar yang menyewa di luar kampus. Selain itu, ketiadaan juga pengumuman bantuan kewangan khas bagi mahasiswa juga turut menimbulkan keresahan kerana ia amat diperlukan pada hari ini dalam berdepan dengan situasi pandemik yang masih belum berakhir ini.

Saya berharap, kementerian dapat meneliti semula dan memberikan tawaran yang lebih baik supaya kebajikan mahasiswa terpelihara dalam kekangan COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peringkat sekolah rendah dan menengah saya hendak menjuruskan kepada pembelajaran digital atas talian yang agak mengecewakan kerana infrastruktur atas talian yang sangat terhad daripada segi akses internet iaitu kadar penembusan dan kelajuan internet sangat rendah. Murid tidak ada data Internet yang

mencukupi dan ada yang tidak mampu menyediakan Internet. Justeru itu, apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, soal pendidikan kita tidak boleh kompromi. Ia mesti dilaksanakan secara tuntas dan tanpa melengah-lengahkan. Ekoran daripada PKPP yang juga menyebabkan guru-guru di mana guru-guru diminta melakukan PdPR iaitu pengajaran dan pembelajaran di rumah di mana guru dan murid berada di rumah masing-masing.

Namun kita sedar keberkesanan pembelajaran ini tidak seperti bersemuka. Jadi permintaan daripada ibu bapa agar anak-anak yang akan menduduki peperiksaan SPM pada Januari 2021, nanti diberi peluang untuk hadir ke sekolah bersemuka dengan guru-guru mereka secara sukarela. Saya difahamkan guru-guru kita juga sebenarnya bersedia untuk hadir ke sekolah secara sukarela.

#### ■1120

Oleh itu, saya mencadangkan bagi pelajar Tingkatan 5 dan 6, agar dibenarkan untuk guru-guru dan murid hadir ke sekolah secara sukarela bersemuka dengan mematuhi sepenuhnya SOP Pencegahan COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak selitkan sedikit di sini tentang ketidaksempurnaan beberapa projek di daerah saya. Saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya segera siapkan satu projek Pejabat Pendidikan Daerah Marang, Terengganu yang sudah lama tergendala. Satu lagi, dua buah bangunan Sekolah Kebangsaan Seberang Marang dalam projek sekolah daif yang sangat usang dan membahayakan pelajar.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lelah untuk membangkitkan isu yang sama setiap Dewan Negara bersidang. Cuma kali ini saya harap, Kerajaan Perikatan Nasional biar kurang bercakap tetapi buat kerana Kerajaan Pakatan Harapan terdahulu banyak cakap, tidak buat, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan dalam sektor pertanian, perikanan dan industri makanan. Tuan Yang di-Pertua, sektor ini adalah dekat di hati saya iaitu teras pembangunan ekonomi sejak dahulu lagi. Kita selalu sebut kelestarian bekalan makanan ataupun *food security*, dengan izin. Saya hendak bertanya, sejauh manakah kebergantungan kita terhadap makanan import dan sejauh manakah keupayaan kita untuk memasarkan pertanian dan industri makanan kita dalam pasaran domestik kita sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lepas, Yang Berhormat Menteri mengadakan lawatan ke Tasik Kenyir dalam wilayah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah iaitu KETENGAH. Kita mohon sedikit bantuan sebanyak RM2 juta untuk menanam pokok tropika seperti durian, duku langsung, manggis, petai, jering, nangka dan lain-lain di sebuah pulau dalam Tasik Kenyir tetapi sampai sekarang tidak ada berita.

Kedua, Yang Berhormat Menteri juga dan Ketua Pengarah Perikanan, sekarang sudah pencen Tuan Yang di-Pertua, sudah setuju untuk menandatangani perjanjian bagi melepaskan sebanyak satu juta ekor- anak ikan pelbagai jenis dalam Tasik Kenyir setiap tahun bermula tahun 2021. Kalau jadi *insya-Allah*, akan menjadi acara tahunan dan pelancaran Tahun Melawat Kenyir pada 2021. Pohon penjelasan daripada kementerian khusus kepada dua perkara tersebut.

Akhir sekali, memperkasakan pelancongan domestik. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan soal pelancongan yang terjejas teruk akibat COVID-19 terutama dalam sektor pelancongan domestik khususnya di Tasik Kenyir, Terengganu. *Insya-Allah*, seperti yang saya katakan tadi, tahun 2021 Tahun Melawat Kenyir dengan slogan “Kenyir Semula Jadi”.

Sebenarnya Terengganu ini Tuan Yang di-Pertua, banyak tempat. Kita ada banyak pulau dan kita ada banyak kesan warisan sejarah. Akan tetapi saya hendak menjuruskan pada Tasik Kenyir di masa yang singkat yang diberikan kepada saya pada hari ini. Tasik Kenyir sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, terbesar di Asia Tenggara dan lengkap dengan destinasi pelancongan bertaraf dunia seperti Santuari Kelah, gunung dan gua, air terjun, Taman Orkid, Taman Herba dan lain-lain lagi. Saya minta sebahagian daripada RM50 juta yang disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan di seluruh negara boleh diperuntukkan kepada pengurusan pelancongan domestik di Tasik Kenyir.

Program peningkatan kemahiran dan latihan juga seperti *upskilling, reskilling* menerusi peruntukan sebanyak RM100 juta kepada pihak berkuasa Pembangunan Wilayah Timur perlu diterjemahkan segera.

Saya cadangkan supaya kementerian dapat agihkan sebahagian bajet untuk mempromosikan musim tengkujuh dengan pelbagai aktiviti ekstrem supaya tiada lagi persepsi gerun ke pantai timur ketika monsun. Di pantai timur ini Tuan Yang di-Pertua, negeri dia sangat cantik, budaya menarik dan orangnya baik-baik.

Masa tidak mengizinkan saya, jadi kesempatan ini saya hendak menzahirkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Jawatankuasa Pemilih Dewan Negara kerana melantik saya sebagai Pengerusi Kaukus Kesejahteraan Rakyat. *Insya-Allah*, saya dan rakan-rakan akan melaksanakan amanah sebaik mungkin.

Sebelum mengakhiri perbahasan saya, saya hendak rangkap pantun, *insya-Allah* simpulkan keseluruhan kehendak Belanjawan 2021.

*Beras segantang sudah disukai;  
Lalu disimpan di atas para;*

*Ahli Dewan diminta berpakat;  
Insya-Allah negara damai dan sejahtera.*

Sekian, terima kasih. saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dijemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

**11.25 pg.**

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan belanjawan dalam situasi ekonomi Malaysia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dengan bertemakan "Teguh Kita, Menang Bersama." Terima kasih tidak terhingga juga saya ucapkan kepada seramai 111 Ahli Parlimen yang telah menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik penubuhan Majlis Pekerjaan Negara seperti yang telah diumumkan, lebih-lebih lagi majlis tersebut dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia bertujuan untuk mewujudkan hampir 500 ribu peluang pekerjaan baharu selain menangani isu pengangguran dalam kalangan rakyat. Penubuhan majlis ini diharapkan dapat menjadi pusat serenti yang akan memberi input menyeluruh kepada isu dan permasalahan membabitkan sektor pekerjaan di negara ini, di samping dapat mengumpulkan maklumat serta data yang lengkap untuk diteliti sebelum sebarang tindakan diambil.

Majlis ini diharapkan juga bertanggungjawab memantau keberkesanan segala inisiatif bagi memastikan rakyat terus mendapat peluang pekerjaan dan dalam masa yang sama, perlu memastikan apa sahaja bantuan yang kerajaan salurkan melalui majikan dapat sampai kepada pekerja dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan bahawa peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertanian agak kurang. Umum mengetahui, negara banyak bergantung kepada import bahan makanan dan risikonya amat besar sekali sekiranya negara pengeluar menghadapi masalah seperti kemarau ataupun banjir. Contohnya, baru-baru ini kalau kita melihat kepada harga bawang merah melambung tinggi berikutan kekurangan bekalan di negara pembekal.

Mengikut statistik, bekalan import barang-barang makanan kita setiap tahun meningkat. Sebagai contoh pada tahun 2018, import kita meningkat kepada RM18.6 billion. Ini merupakan satu angka yang besar. Justeru itu, sudah tiba masanya untuk kerajaan melihat pelaburan dalam bidang pengeluaran makanan sebagai pulangan sosial yang akan membawa pulangan daripada segi kesejahteraan rakyat dan keamanan negara. Apa lagi dalam keadaan COVID-19 bila berlaku sekatan perdagangan antarabangsa. Ada kajian yang menunjukkan, kalau tiga hari sahaja negara tidak kecukupan makanan, ia akan menjadi huru hara dan kacau bilau.

Begitu juga di bidang penternakan, kerajaan juga harus memberi penumpuan. Kalau kita melihat baru-baru ini, kecoh laporan yang menyatakan ada daging sejuk beku yang diimport datangnye dari tempat yang tidak mendapat sijil pengiktirafan halal daripada JAKIM. Di samping itu, terdapat juga aduan yang menyatakan ada daging halal yang dicampurkan dengan daging haram yang dibungkus. Ini sudah tentu mendatangkan kesan yang tidak baik khususnya bagi pengguna-pengguna Islam.

Kita juga perlu mengubah satu persepsi bahawa sektor pertanian ini adalah tidak setanding dengan sektor-sektor lain seperti pekerjaan dalam bandar.

#### ■1130

Hakikatnya sektor pertanian merupakan industri yang disanjung tinggi serta memberi pulangan yang lumayan sekiranya dilakukan dengan menggunakan teknologi yang tinggi. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa jaminan makanan yang kita ada pada hari ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, Malaysia adalah negara yang menjadi tumpuan PATI. Pelbagai faktor yang menyumbang ke arah itu tetapi syukur *alhamdulillah* di waktu COVID-19 ini, keadaan agak tenang sedikit. Dalam masa yang sama, kita dapati mengikut laporan, lebih daripada 90 peratus pelancong yang masuk ke negara ini tidak ada rekod keluar. Kemasukan yang tidak terkawal sudah tentu menambahkan gejala-gejala yang negatif terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Walaupun kerajaan telah merangka berbagai-bagai dasar untuk mengekang keadaan ini, namun ia tidak berjaya tanpa mendapat sokongan daripada rakyat. Rakyat yang tidak mempunyai semangat patriotik akan sanggup bersubahat dan menjadi dalang demi mendapat kekayaan.

Bukan itu sahaja, malahan ada di kalangan mereka yang sanggup menjadi ejen pemalsuan kad pengenalan. Walaupun kad pengenalan kita mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi tetapi pemalsuan tetap juga berlaku. Untuk tujuan tersebut, bagi mengelakkan perkara ini berlaku, saya mohon mencadangkan supaya kad pengenalan ditukarkan di

samping mengekalkan ciri-ciri keselamatan yang ada dan dibuat penambahbaikan dengan lebih canggih termasuk tempat lahir dan sebagainya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, antara sebab utama Kerajaan PH ditolak majoriti orang Melayu ialah penjualan aset negara, khasnya aset-aset milik Tabung Haji. *Alhamdulillah* baru-baru ini kerajaan memutuskan untuk menarik balik kelulusan penjualan aset tanah ladang kelapa sawit milik Tabung Haji. Perkara ini disahkan oleh dua orang Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Menteri Ekonomi dan juga Menteri Agama. Apa yang diharapkan bukan sahaja ketegasan malah perlu disusuli dengan tindakan kerana kadangkala terdapat segelintir pihak pelaksana ini yang tidak menghiraukan apa sahaja arahan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saranan demi saranan, gesaan demi gesaan dari pelbagai pihak mengenai dengan penubuhan RCI TH ini tetapi sampai ke saat ini belum menjadi kenyataan. Dirasakan dengan penubuhan RCI *insya-Allah* akan dapat menyelesaikan pelbagai isu yang dikaitkan dengan Tabung Haji dan yang paling penting untuk pastikan semua tadbir urus Tabung Haji menepati kepentingannya sebagai institusi milik umat Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya juga ingin bertanya kepada kerajaan berhubung dengan memperkenalkan semula cukai barangan dan perkhidmatan walaupun sekarang ini tidak mungkinlah untuk melaksanakan memandangkan keadaan COVID-19.

Memandangkan GST telah diperkenalkan lebih daripada 170 buah negara, kalau kita melihat daripada segi awal pelaksanaan GST pada tanggal April 2015, kita dapati pendapatan kerajaan pada tahun 2015 hasil daripada kutipan GST berjumlah RM27 bilion. Ia dapat mengimbangkan pendapatan kerajaan berikutan kejatuhan harga minyak ketika itu.

Pada tahun 2018 pendapatan kerajaan hasil GST berjumlah RM44 bilion. Berdasarkan ini saya yakin dan percaya sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan tidak membatalkan GST, ia akan menjadi penyelamat kepada situasi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon menyokong penuh penubuhan J-KOM, cuma saya mohon pertimbangan kerajaan untuk mengambil semula bekas-bekas pegawai JASA kerana mereka ini dibuang tanpa sebab yang munasabah oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan 2021. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Hajah Sabani binti Mat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera.

*Gunung Tahan sama didaki,  
Sungai Pahang sama di renang,  
Jikalau semua bersatu hati,  
Kerja yang payah menjadi senang.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2021 ini. Sesungguhnya belanjawan pada kali ini sangatlah ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia dan saya melihat bahawa perbahasan berkaitan dengan belanjawan di Dewan Rakyat pada tahun ini adalah satu paling sengit dalam sejarah negara. Semoga belanjawan ini akan diluluskan dan disokong di peringkat Dewan Negara bagi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Belanjawan 2021 merupakan satu belanjawan yang menunjukkan keprihatinan kepada golongan yang terjejas akibat COVID-19 ini. Kita melihat bagaimana perbelanjaan terbesar dalam belanjawan ini iaitu melebihi RM300 bilion merupakan catatan baru sejarah negara.

Keadaan semasa wabak COVID-19 pasti mewujudkan keresahan apakah kita mampu memacu pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara dengan jumlah tersebut. Memikirkan bila agaknya bakal berakhir wabak pandemik tersebut. Sama-sama kita berdoa agar wabak berlalu dengan segera.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Kerajaan Malaysia umumnya, yang memberikan pelbagai bantuan dan insentif yang akan dapat mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Malaysia. Bantuan petugas barisan hadapan ditambah RM300, Program eBelia dinaikkan, pesara polis turut mendapat manfaat, nelayan pula dengan bantuan musim tengkujuh.

Ini merupakan satu kesediaan kerajaan dalam menanggung dan berkorban walaupun terpaksa menanggung defisit fiskal yang agak tinggi dan kita melihat keprihatinan ini melalui insentif-insentif yang ditawarkan oleh kerajaan melalui pendidikan, bantuan-bantuan pengeluaran wang melalui KWSP, pemberian lanjutan moratorium, program *reskilling* dan *upskilling*, dengan izin, bantuan kepada usahawan digital. Usahawan muda dan wanita ini menggambarkan kesediaan kerajaan mendengar suara hati keluhan rakyat di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, cumanya kerajaan perlu memberi gambaran yang lebih jelas sumber kewangan yang besar bagi perbelanjaan yang begitu besar. Kita tidak mahu kerajaan mengambil sikap menambahkan hutang. Ia akan menyebabkan kerajaan menanggung beban yang agak besar dalam jangka masa yang panjang walaupun itu merupakan satu ubat segera bagi mengubati penyakit pada hari ini iaitu penyakit keruntuhan ekonomi yang mana kadar

keberhutangan yang agak tinggi tetapi saya rasa ia tidak sihat untuk jangka masa panjang bagi negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, golongan rentan yang terdiri daripada wanita, warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), orang miskin dan belia terutama yang berada dalam kelompok B40 pastinya akan menghela nafas lega dengan pengeluaran akaun KWSP sehingga RM10 ribu. Ia bantuan, bertujuan bagi membina semula sara hidup mereka, memberi makan minum seharian dan modal buat mereka membuka atau mengembangkan perniagaan sehari-hari.

Mengambil respons daripada rakyat khususnya golongan M40, golongan ini juga merupakan pembayar cukai dan turut terjejas pendapatan mereka.

#### ■1140

Kerajaan wajar memperhalus cadangan dan harapan mereka agar bantuan yang bersesuaian turut disalurkan kepada golongan M40 ini agar mereka tidak tercicir daripada perhatian pihak kerajaan.

Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama sudah tentulah perkara yang berkaitan dengan peruntukan kepada kaum menjadi perhatian ramai. Daripada sejumlah RM322.5 bilion dalam Belanjawan 2021, sebanyak 0.7 peratus iaitu RM100 juta telah diperuntukkan kepada masyarakat kaum India yang disalurkan kepada Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) bagi memperkasa kedudukan sosioekonomi kaum India yang berpopulasi lebih seramai 2 juta orang daripada kira-kira seramai 32 juta orang rakyat Malaysia.

Berdasarkan laporan kadar indeks kemiskinan negara, kaum India mencatatkan sebanyak 4.8 peratus manakala masyarakat majoriti Melayu sebanyak 7.2 peratus dan Cina 1.4 peratus. Kadar kemiskinan kaum India itu sudah memadai untuk membuktikan betapa pentingnya peruntukan pembangunan bagi membasmi kemiskinan dalam kalangan golongan B40.

Justeru, saya mengharapkan perkara ini mestilah menjadi perhatian kerajaan dalam belanjawan ini. Pengharapan saya adalah agar kerajaan Malaysia komited meneruskan keprihatinan kepada rakyat Malaysia. Saya faham belanjawan pada kali ini lebih memfokuskan pada pandemik yang berlaku di seluruh negara dan payah untuk memuaskan hati pelbagai pihak. Kita sewajibnya bersyukur dengan inisiatif dan usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan.

*Mengayuh basikal ke hujung kampung;  
Hendak membeli pisang sesikat;  
Bulat air kerana pembedung;  
Bulat kata kerana muafakat.*

Saya menyokong penuh Belanjawan 2021 ini. Sekian, terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing.

**11.43 pg.**

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang ini untuk mengambil bahagian membahaskan Belanjawan 2021 yang bertema, "Teguh Kita, Menang Bersama."

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas lantikan semula saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Johari bin Tun Openg atas persetujuan Yang Amat Berhormat dengan pelantikan saya sebagai Yang Berhormat Senator.

Seperti mana kita ketahui, bajet ini paling besar dengan berjumlah RM322.5 bilion. Daripada jumlah itu, sejumlah 73 peratus untuk perbelanjaan mengurus, sebanyak 21 peratus perbelanjaan pembangunan, dan lima peratus untuk Tabung COVID-19.

Berdasarkan tiga maklumat induk, iaitu kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi, terima kasih kepada kerajaan pimpinan Yang Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin atas bajet yang berjiwa rakyat.

Belanjawan 2021 merupakan penzahiran konsep 'prihatin rakyat'. Kebajikan dan kesihatan rakyat keutamaan. Manakala ketahanan ekonomi, menjadi pegangan demi mencapai kemakmuran bersama. Pandemik COVID-19- kita patut berterima kasih atas peruntukan kepada barisan hadapan atau *frontliners* berjumlah RM50 juta kepada seramai 100 ribu orang *frontliners* ataupun barisan hadapan. Iaitu kurang lebih sebanyak RM500 seorang dan telah diperbaiki dengan tambahan sebanyak RM300 seorang menjadi jumlah keseluruhan sebanyak RM800 seorang.

Ini membuktikan bahawa kerajaan sangat prihatin terhadap golongan ini yang bertungkus-lumus membendung pandemik COVID-19. Untuk bantuan kepada petani, peladang dan nelayan sebanyak RM1.7 bilion telah diperuntukkan. Saya harap, peruntukan ini dapat dipanjangkan kepada petani, peladang dan nelayan di negeri Sarawak.

Bagi sejumlah RM960 juta untuk subsidi dan insentif tanaman padi sebahagian daripada peruntukan ini perlu diagihkan kepada penanam padi bukit yang hanya ada di Sarawak dan Sabah. Kerap kali golongan ini terlepas pandang. Saya mohon agar Yang Berhormat Menteri berkenaan mengambil perhatian kepada masalah ini. Saya sedar minggu lepas masa sesi soal jawab lisan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah

mengatakan memang ada peruntukan untuk golongan ini iaitu penanam padi bukit. Hanya saya berharap, kenyataan itu menjadi nyata pada tahun 2021.

Saya juga berterima kasih kepada kerajaan kerana ada peruntukan untuk Tabung Bencana Pertanian yang mulanya diperuntukkan sejumlah RM80 juta dan sudah ditambah baik kepada sebanyak RM250 juta. Saya ingin sentuh di sini, dan mengingatkan kerajaan, jangan lupa kepada istilah nelayan darat sebab di Sarawak ada nelayan darat iaitu nelayan yang menangkap ikan di sungai-sungai. Mereka pun patut diberi pertolongan.

Berkenaan dengan strategi nombor empat iaitu mengutamakan keterangkuman-berkenaan dengan peruntukan untuk kaum-kaum. Untuk kaum bumiputera, sebanyak RM11.1 bilion diperuntukkan dan daripada jumlah itu sebanyak RM1.3 bilion untuk program spesifik. Saya mohon agar peruntukan ini merangkumi bumiputera Sarawak khasnya bangsa asal atau kaum Dayak Sarawak.

Saya menimbulkan perkara ini sebab kadangkala dalam kategori bumiputera kumpulan ini tertinggal, mungkin bukan sengaja. Ini kerana, peruntukan untuk kaum lain ada tersenarai dalam bajet termasuk Orang Asli iaitu sebanyak RM177 juta untuk kaum Cina, sebanyak RM100 lebih untuk kaum India dan sebanyak RM158 juta untuk Orang Asli. Oleh sebab itu, saya merayu di peringkat pelaksanaan, tolong jangan lupa kumpulan orang Dayak di Sarawak. Mereka bumiputera juga.

Untuk peruntukan agama, saya menyeru bahawa peruntukan perlu diadakan untuk agama lain. Di Sarawak semua agama ada peruntukan secara peruntukan terus atau melalui *Unit for Other Religions* (UNIFOR). Saya membangkitkan perkara ini bukan sebab saya hendak membesar-besarkan negeri Sarawak tetapi saya nampak kesan yang baik daripada langkah ini. Ia mencerminkan rakyat untuk merasakan mereka juga rakyat negeri ini. Perpaduan kaum dan kesejahteraan rakyat menjadikan masyarakat aman dan damai. Dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama, betapa pentingnya ada perpaduan dan keamanan di negara kita ini.

#### ■1150

Saya juga cadangkan jika kerajaan dapat menimbangkan peruntukan elaun bulanan untuk Yang Berhormat Menteri-menteri agama lain. Mohon Kementerian Perpaduan Negara (*National Unity Ministry*) mengambil perhatian jika cadangan saya ini boleh diguna-pakai demi perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Berkenaan dengan peruntukan program *Native Customary Rights*, saya berterima kasih kepada Kerajaan Pusat atas peruntukan sebanyak RM41 juta untuk program ini di Sarawak dan Sabah. Saya difahamkan bahawa daripada jumlah ini sebanyak RM30 juta adalah untuk Sarawak.

Sebenarnya program ini melibatkan pengukuran tanah asal atau *Native Customary Rights Land* yang bumiputera Sarawak, kebanyakannya kaum Dayak. Pengukuran ini untuk mengeluarkan surat hak milik tanah- *land title*, pada pemilik tanah. Walaupun hak tanah di Sarawak di bawah kerajaan negeri, Kerajaan Pusat beberapa tahun yang lalu telah memperuntukkan dana untuk menjalankan kerja pengukuran ini.

Bermula dari Kerajaan Barisan Nasional dan disambung oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan sekarang Kerajaan Perikatan Nasional. Rakyat Sarawak yang ada tanah asal berterima kasih kepada Kerajaan Pusat dan saya berharap peruntukan sebahagian besar ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang sampai semua tanah NCR telah diukur dan telah dikeluarkan surat hak milik.

Mengenai pembaikan infrastruktur luar bandar yang ada peruntukan RM2.7 bilion, terima kasih. Jalan luar bandar, bekalan elektrik, bekalan air luar bandar, alternatif dan sebagainya. Saya percaya peruntukan ini kebanyakannya diperlukan di Sarawak dan Sabah. Ini disebabkan banyak lagi kawasan pedalaman dan luar bandar belum ada kemudahan sebegini.

Saya sedar bahawa Kerajaan Sarawak telah berusaha sedaya-paya untuk membekalkan kemudahan ini dan ada rancangan untuk meliputi semua kawasan. Akan tetapi, buat masa sekarang, belum sampai *100 percent*. Saya harapkan peruntukan ini akan memberikan kesan yang diinginkan dan mengurangkan jurang kemajuan antara bandar dan luar bandar.

Sebagai kesimpulan, seperti mana yang kita tahu, lulus atau tidak lulus Bajet 2021, pandangan kita di Dewan yang mulia ini, tidak akan diambil kira sebab apa yang telah diluluskan di Dewan Rakyat akan kekal. Justeru itu, apakah sebab kita membahaskan bajet ini jika tidak ada kesan terhadap Bajet 2021? Akan tetapi, saya berpendapat, pandangan-pandangan kita akan diambil kira di peringkat pelaksanaan, rancangan-rancangan dan dicadangkan dalam bajet ini. Juga, pandangan-pandangan kita boleh diambil kira untuk Bajet Tahun 2022 dan pada tahun-tahun yang akan datang. Dengan harapan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin.

**11.53 pg.**

**Puan Asmak binti Husin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah juga saya ucapkan atas pelantikan. Semoga kita akan dapat diperkasakan di bawah kepimpinan Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya mulakan dulu perbahasan ini dengan satu ayat al-Quran daripada surah al-Baqarah, Ayat 177... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, “*Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak Timur dan Barat tetapi kebajikan itu ialah apabila kita beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, segala malaikat, segala Kitab dan sekalian Nabi dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang dia menyayanginya kepada kaum kerabat, anak yatim, orang miskin dan sehingga ke akhir hayat*”.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah saya bangkitkan ayat ini? Ini kerana kalau kita lihat dalam belanjawan kali ini, banyak kita membicarakan isu kebajikan khususnya kepada rakyat yang terkesan akibat daripada pandemik. Oleh itu, dalam ayat ini, Allah SWT menegaskan bahawasanya asas kepada kebajikan itu bermula daripada pemerksaan dan tanggungjawab ahli keluarga itu sendiri.

Namun begitu, apabila kita lihat kepada realiti sekarang, apabila bercakap tentang isu kebajikan, kebanyakan kita akan menyerahkan kepada agensi yang terlibat seperti JKM. Contohnya, kita ada banyak isu yang *viral* di Kelantan. *Viral* di Kelantan, tular. Jadi, apabila satu-satu kes tular, saya ingat ada satu kes ini, JKM menyatakan bahawa keluarga ini tidak layak mendapat bantuan kerana ayahnya masih muda dan boleh bekerja.

Akan tetapi, kemudiannya tular lagi. Apabila tular lagi, maka, akhirnya dia mendapat bantuan dan juga dapat bantuan daripada orang ramai. Jadi, timbul persoalan di sini ialah bagaimanakah pula peranan ahli keluarga khususnya kalau melibatkan yang tular itu adalah orang miskin dan anak-anak? Apa peranan suami, peranan bapak saudara, peranan datuk dan lain-lain?

Oleh sebab itu, saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk merangka Pelan Tindakan Dasar Kebajikan Masyarakat yang baharu dengan hala tuju yang baharu? Ini kerana, apabila saya melihat di Kelantan, kami ada Dasar Kebajikan Negeri Kelantan dan kami memasukkan frasa berkaitan dengan menggalakkan untuk pelaksanaan hak dan tanggungjawab ahli keluarga itu sendiri termasuk keluarga, anggota masyarakat, haiwan dan alam sekitar.

Akan tetapi, apabila saya melihat kepada Dasar Kebajikan Masyarakat Malaysia, kita banyak memfokuskan kepada pekerja sosial, pertubuhan sukarelawan dan masyarakat tempatan serta agensi kerajaan dan swasta. Maknanya, tidak dimasukkan frasa berkaitan dengan pemerksaan ahli keluarga itu sendiri.

Oleh itu, saya berharap pihak kerajaan dapat meneliti perkara ini. Apabila kita melakukan kerja kebajikan, kita tidak hendak dalam masa yang sama, ia menyebabkan orang lain mengabaikan tanggungjawabnya khususnya kepada para wali.

Seterusnya, saya juga ingin membangkitkan tentang peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita lihat peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebahagian besarnya adalah berkisar tentang bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Adakah pada masa depan, kerajaan bercadang untuk mengasingkan kebajikan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat? Ini kerana kita bimbang apabila kita banyak fokus kepada kebajikan, jadi apa hal pula dengan pemerkasaan isu wanita, keluarga dan lain-lain lah?

Apabila bercakap tentang peruntukan, saya melihat peruntukan nampak besar untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Contohnya, untuk Jabatan Pembangunan Wanita. Saya lihat pada tahun 2020, nampak besar iaitu pengurusan RM14 juta untuk program sebanyak RM4.3 juta.

Nampak perbezaan yang agak ketara antara pengurusan dan program. Apabila diturunkan ke negeri, contohnya, di negeri Kelantan, maka, ia tinggal sedikit sahaja kerana di negeri Kelantan itu ada terlibat dengan pengurusan dan ada juga terlibat dengan program. Kalau kita melihat kepada statistik pada tahun 2019 dan tahun 2020, kita lihat Jabatan Pembangunan Wanita hanya berupaya untuk melaksanakan sebanyak 45 program melibatkan 5,375 sasaran.

Pada tahun 2020, ia semakin berkurangan menjadi sebanyak 42 program yang melibatkan hanya 12 ribu lebih. Sedangkan kalau kita tengok, rakyat Kelantan ini, sejuta lebih. Apabila sejuta lebih, nampaknya jauh daripada sasaran berbanding dengan program di bawah Exco Wanita sendiri di negeri Kelantan, kami ada beratus-ratus program walaupun dengan bajet yang sangat kecil berbanding dengan Persekutuan. Jadi, saya berharap pihak kerajaan dapat meneliti perkara ini. Saya bimbang, kalau kita banyak fokuskan program-program *one-off*, akhirnya program berkaitan dengan memperkasakan wanita dan keluarga itu akan terpinggir.

Seterusnya saya juga ingin bertanya tentang i-Suri fasa kedua dan ketiga. Bagaimanakah ia akan diteruskan? Berkaitan dengan i-Suri ini. Saya lihat kita ada isu dari sudut pencaruman. Daripada segi promosi oleh Jabatan Pembangunan Wanita, kita nampak baik. Akan tetapi, daripada segi caruman, mereka mungkin mencarum sekali dua dan selepas itu tidak hendak mencarum sudah. Ini sebab saya nampak, ada isu pengurusan juga. Pertama, daripada segi promosi adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pembangunan Wanita tetapi daripada segi kutipan di bawah KWSP. KWSP pula, ia tidak boleh mengambil kutipan secara tunai. Perlu dicarumkan melalui bank.

Jadi, akhirnya, orang-orang terdiri daripada B40, macam manakah mereka hendak pergi ke bank? Contohnya seminimum RM5 untuk dimasukkan. Jadi, akhirnya walaupun kerajaan meletakkan peruntukan yang besar, tidak tercapai.

Seterusnya, saya ingin bertanya tentang isu *curfew*. Adakah kerajaan akan melaksanakan *curfew*? Ini memandangkan ketika waktu pandemik, kita rasa lega kerana anak-anak kita berada di rumah ataupun mungkin melaksanakan *curfew* dalam bentuk yang berperingkat. Seterusnya, adakah kerajaan akan melaksanakan insentif untuk tempat kerja mesra wanita dan keluarga?

Dalam definisi mesra wanita dan keluarga ini, saya rasa patut dimasukkan definisi membenarkan wanita bertudung. Saya sudah hujah bermacam-macam sudah untuk pramugari bertudung. Isu *safety* pun saya sudah bagi hujah. Isu kesihatan pun sudah bagi hujah tidak termasuk isu agama dan lain-lain. Saya nampak ketika musim pandemik sekarang, pramugari ini, kita tengok pakaiannya lebih longgar daripada biasa. Jadi, tidak ada isu *safety* yang dibangkitkan sebelum ini.

Jadi saya berharap pihak kerajaan dapat menelitilah insentif untuk tempat kerja mesra wanita dan keluarga. Selain daripada itu, saya ingin mengucapkan tahniah kerana banyak senarai bantuan yang telah ditingkatkan oleh kerajaan.

#### ■1200

Akan tetapi ada satu senarai bantuan yang saya rasa mungkin kita tidak perasan iaitu Bantuan Anak Pelihara. Sekarang dapat RM250, maksimumnya dua orang anak, RM500. Akan tetapi kalau kerajaan dapat meningkatkan bantuan anak pelihara, kita dapat selesaikan isu masalah anak terbiar dan anak yatim yang mana dalam hasrat kita anak-anak ini tidak mahu ditempatkan di rumah anak yatim yang terasing tetapi ditempatkan dalam komuniti.

Seterusnya, saya ingin bertanya juga kepada pihak kerajaan tentang isu tular sekarang berkaitan dengan perkahwinan dengan pemain hoki India. Di mana saya juga turut merasa tempiaslah. Dikecam juga oleh rakyat di luar sana kerana mereka hendak mendapatkan penjelasan dan laporan apakah sebenarnya status perkahwinan tersebut? Adakah masih Islam, tidak Islam dan lain-lain? Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

Seterusnya saya ingin membangkitkan isu Kelantan. Kelantan ini adalah antara negeri termiskin di Malaysia termasuk Sabah, Sarawak, Terengganu. Akan tetapi negeri-negeri lain, mereka menyandarkan bajet kepada royalti kecuali Kelantan. Jadi Kelantan satu-satunya negeri yang tidak menyandarkan kepada royalti tetapi agenda kebajikan tetap dilaksanakan.

Jadi antara isu yang kita hendak diketengahkan ialah projek-projek Persekutuan yang dijanjikan dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan perlu dipercepatkan pelaksanaannya. Sebagai contoh, tebatan banjir dan lain-lain. Jadi saya ingin bertanya statuslah. *Insyallah* saya akan serahkan teks ini untuk penelitian pihak kerajaan.

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan cadangan *Rapid Kota Bharu* sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang

keenam sebelum ini? Adakah pihak kerajaan boleh mempertimbangkan untuk membina sebuah terminal bersepadu seperti Terminal Bersepadu Selatan dan Terminal Bersepadu Gombak kerana rakyat Kelantan merupakan antara pengguna bas ekspres terbanyak di Semenanjung Malaysia.

Saya juga ingin membangkitkan isu keselamatan. Saya nampak pihak Persekutuan telah menambah bajet untuk keselamatan di bahagian utara tetapi tidak ada bajet untuk keselamatan di kawasan Kelantan. Sedangkan kami menghadapi isu yang sama. Ketika sekarang ini kita tengok, ketika musim banjir, pos keselamatan sempadan juga turut ditenggelami banjir.

Seterusnya saya ingin membangkitkan isu pendidikan pula. Untuk isu pendidikan, ini adalah pengalaman saya yang tersendiri khususnya untuk sekolah rendah. Kita dapati kerajaan menyediakan medium seperti *Google Meet* dan sebagainya. Akan tetapi tidak banyak kita tengok secara berdepan, *face to face* dilaksanakan oleh guru kerana tidak ada dasar dan hala tuju yang jelas berkaitan dengan bagaimana pembelajaran ketika pandemik lah.

Walaupun begitu, saya lihat dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan, kita ada 4.2 – *Program Disaster Risk Reduction* dan 4.3 – Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti. Akan tetapi apabila berlaku pandemik, kita tidak nampak bagaimana guru dan pendidikan beradaptasi sedangkan kita sudah ada latihan berkaitan dengan 4.2 dan 4.3.

Sekarang juga saya mendapat aduan daripada pihak pentadbir sekolah bahawasanya mereka tidak ada punca kuasa daripada kementerian untuk mengarahkan guru *face to face*, secara berdepan dengan pelajar dan kebanyakan guru ini dia hanya menyediakan mungkin rujuk buku teks, *Google Forms*, jawab soalan dan begitu sahaja.

Jadi setiap hari begitu berlangsung dari bulan Mac dan kemudiannya sekolah sekejap dan sambung balik. Jadi menyebabkan kita agak bimbang Pelan Pembangunan Pendidikan Kebangsaan 2017-2035 yang menekankan kepada identiti nasional, kerohanian, akhlak yang mulia tidak dapat dilaksanakan.

Akhir sekali, saya ingin bertanya juga adakah akan dilakukan satu kurikulum yang baru yang melibatkan ibu bapa dimasukkan juga dalam pedagogi pendidikan kanak-kanak. Oleh sebab kita ini bukan guru. Bukan semua ibu bapa adalah guru. Jadi kita tidak belajar tentang pedagogi. Sekurang-kurangnya ada video ringkas satu minit, dua minit daripada kementerian mengajak kami menyertai pedagogi.

Saya rasa itu sahaja perbincangan daripada saya dan saya sokong RUU Perbekalan 2021. *Insyallah* sebagaimana dijanjikan, saya akan serahkan teks ini kerana banyak lagi persoalan yang saya timbulkan. Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

#### **12.04 tgh.**

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu:** Salam Sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 pada kali ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Seri telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Yang Berhormat Senator YM Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz atas kejayaan Belanjawan 2021 yang diluluskan di Parlimen baru-baru ini.

Bajet 2021 ini yang dibuat mengambil kira impak pandemik COVID-19 ini mendapat maklum balas yang terbaik daripada pelbagai pihak. Walaupun terdapat banyak cadangan serta soalan yang saya ingin bangkitkan dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021, majoritinya telah dibangkit oleh sahabat-sahabat saya, Ahli Dewan Negara yang lain. Namun begitu, ada dua perkara yang saya hendak sentuh iaitu perkara melibatkan masyarakat India dan pelaksanaan Bajet 2021.

Pertama kali saya ingin berkongsi kekusaran dan kerisauan saya di mana saya melihat tidak ada langkah-langkah khusus yang menyeluruh diambil oleh pihak kerajaan dalam Bajet 2021 untuk memperkasakan masyarakat India. Harapan saya agar perkara ini diambil kira oleh pihak kerajaan pada masa hadapan. Saya cuma ingin memohon kepada kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat India di Malaysia diberi peluang yang sama seperti masyarakat lain di negara ini bagi menjamin kesejahteraan rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini. Ini juga konsisten dengan slogan kerajaan yang menetapkan aspek prihatin terhadap semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat mempunyai harapan yang sangat tinggi lebih-lebih lagi ketika pandemik COVID-19 ini supaya Ahli Dewan Negara memainkan tanggungjawab dan peranan yang aktif dalam memastikan kepentingan rakyat sentiasa terjamin. Di kala pandemik COVID-19 terus merebak di negara ini, ramai rakyat Malaysia yang telah kehilangan punca pendapatan dan pekerjaan. Sekali gus mereka sangat berharap dengan bantuan-bantuan daripada pihak kerajaan untuk meneruskan kehidupan mereka dan keluarga mereka.

Apa yang penting bagi mereka adalah terdapat makanan di atas meja mereka supaya anak-anak mereka tidak tidur kelaparan. Rakyat buat masa sekarang ini tidak mahu tahu tentang jumlah pelabur asing, dengan izin FDI ataupun jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar,



dengan izin, GDP. Akan tetapi apa yang mereka mahu dalam suasana pandemik COVID-19 peluang pekerjaan, pendidikan serta peluang menjana pendapatan demi kelangsungan hidup dan keluarga mereka.

Dengan jumlah bajet sebanyak RM322.5 bilion, Belanjawan 2021- belanjawan terbesar dalam sejarah negara kita. Jumlah RM322 bilion ini wajarlah digunakan dengan sebaik mungkin supaya tidak berlaku ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan.

Bagi memastikan seluruh rakyat Malaysia mendapat manfaat dari Bajet 2021 tanpa ada seorang pun yang tercicir, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memastikan pelaksanaan Bajet 2021 dilakukan dengan sebaik mungkin dengan Petunjuk Prestasi Utama yang jelas, dengan izin, KPI. Ini adalah untuk memastikan prestasi kerajaan dalam melaksanakan Bajet 2021 ini dapat dikukuhkan dengan telus bagi memastikan tidak ada mana-mana rakyat Malaysia yang susah, mengikat perut dan tidak mendapat pembelaan sewajarnya dari pelbagai program rakyat yang diwujudkan oleh kerajaan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian lain menerbitkan Kad Laporan Pelaksanaan Bajet 2021 setiap suku bagi tahun 2021. Kad laporan ini haruslah diberikan kepada Ahli Dewan Negara sebelum setiap sesi Dewan Negara bermula. Manakala kad laporan pelaksanaan bajet setiap suku tahun 2021 harus dibentangkan oleh kementerian dan dibahaskan di Dewan Negara sekali gus memberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negara meminta penjelasan daripada kementerian tentang prestasi kementerian dan status-status program yang dilaksanakan berdasarkan Bajet 2021.

Apakah yang penting adalah berapa banyak jumlah wang yang dibelanjakan? Ke manakah wang tersebut digunakan dan bagaimana kah ia digunakan berdasarkan Bajet 2021? Ini juga akan memastikan Dewan Negara berfungsi dengan lebih aktif yang mana Dewan Negara boleh menjadi mekanisme semak dan imbang terhadap pelaksanaan Bajet 2021.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan ini adalah diharapkan dilaksanakan bagi memastikan segala bantuan pihak kerajaan yang dibentangkan dalam Bajet 2021 sampai kepada golongan sasaran dan mereka yang memerlukan. Apa yang penting kelangsungan hidup rakyat dan saya yakin Dewan Negara akan dapat memainkan peranan yang besar dan penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin dan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap tahun 2021 akan menjadi tahun yang lebih baik bagi negara kita. Tahun 2020 menyaksikan pelbagai cabaran dan dugaan dihadapi oleh rakyat Malaysia baik daripada segi kesihatan dan juga ekonomi. Dengan Bajet 2021 yang

diluluskan, diharapkan ia akan dapat mengurangkan beban, seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat. Dengan ini, sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim.

### 12.11 tgh.

**Datuk Ir. Md. Nasir bin Hashim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan Dato' Seri sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan mengenai Belanjawan 2021. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Malaysia yang telah berjaya membentangkan Belanjawan 2021.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 yang berjumlah RM322.5 bilion telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 November 2020. Perbelanjaan 2021 yang dibentangkan telah mengambil kira keadaan semasa dan jangkaan perkembangan ekonomi pada kadar 6.5 peratus sehingga 7.5 peratus. Adalah diharapkan, Belanjawan 2021 akan dapat memenuhi matlamatnya iaitu menjamin kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.

Kesejahteraan rakyat amat penting bagi mengatasi pandemik COVID-19. Amat diharapkan bekalan vaksin COVID-19 akan segera diperolehi supaya rakyat di Malaysia dapat bekerja dan berusaha semula bagi menjamin kelangsungan kehidupan masing-masing. Saya berharap saya dapat menjadi salah seorang yang di vaksin pada peringkat awal sebab umur saya pun sudah tua, sudah warga emas, sudah 62 [*Ketawa*]

Bantuan Prihatin Rakyat amat diperlukan oleh golongan B40 dan M40 yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 telah mengganggu kelancaran pendidikan di negara kita. Para belia perlu dilatih semula dengan kemahiran terkini. Di dalam Belanjawan 2021, Kementerian Sumber Manusia telah diperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk melaksanakan dengan izin, *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). Ini salah satu usaha kerajaan sejak dahulu lagi bagi membantu dalam meningkatkan kemahiran rakyat terutamanya golongan muda melalui peluang pendidikan kemahiran dalam bidang TVET.

Peluang pendidikan dalam bidang TVET akan memberi peluang kepada golongan belia, khasnya untuk meningkatkan atau mendapatkan kemahiran bidang yang mereka minati. Bidang kemahiran ini amat penting bagi membantu negara agar dapat melahirkan lebih ramai tenaga mahir yang diperlukan oleh sektor perindustrian berasaskan teknologi terkini.

Oleh itu, dengan adanya peruntukan Belanjawan 2021 yang disediakan sebanyak RM6 bilion, akan memberi peluang para belia untuk mengikuti program latihan kemahiran yang disediakan oleh pusat latihan di seluruh negara. Melalui peruntukan ini, diharapkan pihak Kementerian Sumber Manusia yang terlibat untuk melaksanakan program-program TVET bagi melatih belia-belia yang tercacir sama ada lepasan PT3 atau SPM, membolehkan mereka mendapat kemahiran dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan yang baik.

Pekerja yang sedang bekerja perlu dilatih semula untuk meningkatkan kemahirannya mengikut teknologi terkini. Para pekerja yang tidak pernah menjalani program kemahiran semasa formal perlu diberi latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka. Dengan latihan ini, akan memberi peluang pekerjaan dan gaji yang lebih baik kepada pekerja-pekerja berkenaan. Melatih semula pelajar lepasan siswazah yang sedang menganggur dalam kemahiran tinggi dan profesional bagi membolehkan pelajar ini mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

Pelaksanaan program TVET ini perlu diberi perhatian kepada latihan kemahiran yang berasaskan teknologi terkini ke arah Revolusi Industri 4.0. Saya percaya dengan terlaksananya program latihan TVET, akan dapat membantu kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan bagi membantu perkembangan sektor ekonomi negara ke arah Revolusi Industri 4.0. Selain itu, dapat juga mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing. Ia juga dapat mengurangkan kadar pengangguran negara dan juga dapat meningkatkan pendapatan isi rumah dan dapat meningkatkan produktiviti negara.

Peluang latihan TVET ini akan melibatkan pelbagai pusat latihan TVET sama ada milik kerajaan atau juga milik swasta. Terdapat lebih dari 1,000 buah pusat latihan kemahiran TVET yang beroperasi di negara ini.

Berdasarkan peruntukan belanjawan bagi tahun 2021 yang mana RM300 juta diperuntukkan kepada PTPK iaitu Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Sumber Manusia. Satu, adakah peruntukan melalui PTPK ini akan disalurkan kepada pusat-pusat kemahiran di mana majoriti pelatihnya adalah daripada golongan B40?

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN) telah banyak membantu kerajaan melahirkan ramai tenaga mahir. PPKN membantu kerajaan negeri melaksanakan program TVET mengikut keperluan setiap negeri masing-masing. Soalan saya yang kedua, apakah peruntukan geran yang diberikan kepada PPKN bagi tujuan ini? Sekiranya tiada peruntukan geran diberikan kepada PPKN, saya percaya latihan TVET untuk keperluan setiap negeri akan tergendala dan tidak dapat membantu kerajaan negeri melahirkan keperluan tenaga mahir yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat 13 PPKN yang melaksanakan program-program TVET. PPKN ini telah sedia ada dan mempunyai kemudahan dan kepakaran sejak 30 tahun yang lalu. PPKN ini telah diberi peruntukan geran sejak Rancangan Malaysia Ketujuh lagi bagi melaksanakan program latihan TVET. Pihak kerajaan sepatutnya memperkasakan PPKN di setiap negeri kerana PPKN ini mempunyai peralatan, tenaga pengajar, pakar-pakar dan hubungan yang rapat dengan pemain-pemain industri setempat.

Dengan jumlah peruntukan yang besar untuk melaksanakan TVET yang diberikan kepada Kementerian Sumber Manusia, sudah semestinya ia boleh membantu pembangunan ekonomi negara.

#### ■1220

Oleh itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia, setakat ini berapa ramai belia-belia yang telah menerima latihan TVET terutamanya dari PPKN? Kedua, berapa ramai- atau peratus daripada belia-belia yang menerima latihan TVET ini telah bekerja di luar negara khususnya di Singapura?

Pada pendapat saya kalau kita tidak salurkan graduan-graduan TVET ini kepada pemain-pemain industri di negara kita, ia adalah amat merugikan negara kerana latihan mereka ini dibiayai oleh pembayar-pembayar cukai. Adakah Kementerian Sumber Manusia akan memikirkan cara dengan sebagaimana disebutkan *in English*, dengan izin, *kill two birds with one stone* iaitu belia ini mendapat kemahiran dan bekerja di firma-firma yang beroperasi di Malaysia.

Ini kerana saya pernah bertanya kepada salah satu buah pusat latihan kemahiran swasta di Skudai, ke mana graduan mereka bekerja setelah tamat latihan. Jawapannya ialah mereka bekerja di Singapura. Itu yang kalau setiap pagi kita dapati dari pukul empat pagi itu mereka naik motor "kapcai" pergi ke Singapura. Itu yang saya rasa ini amat merugikan negara dalam satu hari kira-kira 300 ribu orang sebelum ini yang bekerja di Singapura.

Setakat itu sahaja, walaupun banyak lagi sepatutnya, tapi dengan ini saya memohon menyokong Belanjawan 2021. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat Datuk Teo Kok Chee.

#### 12.21 tgh.

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Akta Perbekalan 2021 di Dewan Parlimen yang mulia ini.

Saya mengalu-alukan pembentangan Belanjawan 2021 buat kali pertama oleh Kerajaan Perikatan Nasional. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan selepas membentangkan Belanjawan 2021 yang pada keseluruhannya nampak agak bertanggungjawab dalam mengendalikan kewangan kerajaan dengan kekangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembentangan Belanjawan 2021 yang memberi peruntukan sebanyak RM5,360 juta untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Besar harapan saya agar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menggunakan peruntukan ini dengan sebaik-baiknya demi kebaikan rakyat jelata. Di sini saya ingin membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan rumah golongan berpendapatan rendah iaitu tentang isu projek rumah terbengkalai atau projek sakit.

Isu rumah projek terbengkalai bukan cerita baharu, malahan ini berlaku sejak bertahun-tahun lalu. Projek rumah terbengkalai bukan sahaja berlaku pada projek rumah mahal, malah ini juga berlaku pada projek rumah kos rendah dan rumah mampu milik. Saya telah beberapa kali membangkitkan masalah ini di Dewan Parlimen yang mulia ini tetapi dukacitanya sehingga kini tiada cara penyelesaian dan tindakan yang diambil oleh pihak kementerian, yang menjadi mangsa rakyat yang berpendapatan rendah. Ini tanggungjawab kerajaan.

Kerajaan yang dipilih oleh rakyat patut membantu rakyat, saya berpendapat sebelum kerajaan melaksanakan sebarang projek rumah mampu milik, sepatutnya kerajaan menyelamatkan projek terbengkalai perlu diberi keutamaan terlebih dahulu. Pembeli-pembeli rumah ini telah disesakkan lebih daripada 10 tahun. Mereka meletakkan harapan yang besar agar kerajaan dapat membantu mereka. Jadi kerajaan patut memandang berat isu ini dan jangan membiarkan mereka menunggu lagi.

Terdapat beratus-ratus kes rumah terbengkalai berlaku di seluruh Malaysia. Disebabkan- saya berasal dari negeri Johor, jadi hari ini saya ingin membangkitkan dua contoh projek rumah kos rendah terbengkalai dan projek sakit di negeri Johor iaitu rumah kos rendah Taman Desa Kempas, Johor Bahru yang melibatkan 400 unit, dan kedua, rumah kos rendah Taman Seri Molek Perdana, Johor Bahru yang melibatkan 958 unit.

Kedua-dua projek ini telah terbengkalai lebih daripada 15 tahun. Sebenarnya kedua-dua projek tersebut telah siap dibina 95 peratus dan tinggal sedikit sahaja sudah boleh dapat CFO untuk masuk tinggal. Dalam masa 15 tahun Malaysia telah mengalami pentadbiran di bawah empat orang Perdana Menteri dan tujuh orang Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dukacitanya sehingga kini masih tidak ada cara untuk menyelamatkan. Saya berasa agak hairan kenapa hanya tinggal kerja lima peratus pun tidak boleh diselesaikan oleh tujuh

orang Menteri. Apakah masalahnya? Yang menjadi mangsa pembeli-pembeli rumah tersebut. Bayaran bulanan bank masih perlu dibayar namun rumah yang dibeli gagal dimiliki sehingga hari ini.

Kegagalan pihak pembeli membuat bayaran balik pinjaman akan menyebabkan pihak bank memulakan tindakan undang-undang ke atas mereka dan seterusnya memungkinkan nama mereka disenaraikan hitam. Mangsa-mangsa ini tidak akan dapat membuat sebarang pinjaman dari bank untuk membeli rumah-rumah lain.

Kes projek perumahan terbengkalai di Malaysia telah menyebabkan kerugian yang besar kepada individu dan ekonomi negara secara keseluruhannya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, setakat ini terdapat berapa banyak kes rumah kos rendah dan rumah mampu milik yang terbengkalai di seluruh Malaysia? Berapa mangsa pembeli rumah yang terlibat?

Saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengambil berat terhadap masalah ini. Usaha menyelamatkan projek sakit ini patut diambil dengan kadar yang segera. Dengan adanya peruntukan sebanyak RM5,360 juta dalam tahun 2021, tak kan tidak boleh salurkan sedikit peruntukan untuk menyelesaikan masalah tersebut demi kebaikan rakyat.

Peruntukan yang bersesuaian patut disalurkan untuk menyelamatkan projek terbengkalai tersebut sebelum projek-projek baharu dijalankan. Di sini saya juga ingin menyeru agar Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menubuhkan satu Jawatankuasa khas untuk menjalankan siasatan dengan tindakan yang segera bagi menyelesaikan masalah projek sakit di seluruh Malaysia agar penderitaan mangsa-mangsa pembeli rumah di atasi.

#### ■1230

Selain itu, tindakan pendakwaan dan kompaun yang lebih serius mesti diambil ke atas pemaju-pemaju yang terlibat disebabkan masalah projek terbengkalai, pembeli rumah khususnya para pembeli rumah kos rendah telah mengalami kesusahan hidup beberapa puluh tahun.

Akhir kata, saya setuju dan sokong sepenuhnya Rang Undang-undang Akta Perbekalan 2021. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Mohan.

**Datuk Mohan a/IThangarasu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat petang. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri atas pelantikan sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bercuti.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Tak, tetapi saya hendak rakamkan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Rakam sahaja. Bagus.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita arif, Bajet 2021 ini merupakan landasan asas untuk mengenali krisis kesihatan dan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19. Tanpa membuang masa, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang menarik perhatian saya dalam pembentangan Bajet 2021.

Saya bersetuju dengan usaha kerajaan dalam mendekati masalah kesihatan mental masyarakat Malaysia yang terkesan dari COVID-19 melalui peruntukan sebanyak RM24 juta kepada sektor kesihatan. Sehubungan dengan itu, saya memohon kerajaan memberi pertimbangan yang wajar kepada kesihatan mental para pelajar sekolah yang beradaptasi dengan norma baharu.

Misalnya, kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah atas talian atau *online* dari rumah, bergantung pada peralatan digital telah meningkat serta komunikasi sesama manusia telah menjadi kurang sepanjang tempoh kawalan pergerakan PKP ini. Di samping itu, ibu bapa yang menghadapi pelbagai masalah psikososial pada musim pandemik dan mereka tidak mampu membantu isu psikologi anak-anak mereka di musim PKP ini.

Dengan nilai ini, apa tindakan kerajaan dalam melatih lebih ramai kaunselor, ahli psikologi dan ibu bapa untuk membantu para pelajar secara holistik di institut pendidikan dan juga di institusi kekeluargaan supaya kesihatan mental mereka terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sokong usaha kerajaan yang telah mewartakan sejumlah RM100 juta kepada MITRA dan sebahagian sejumlah RM20 juta kepada TEKUN Nasional khususnya untuk membangun sosioekonomi dan pembangunan usahawan masyarakat India di Malaysia. Seperti yang diketahui Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati di bajet-bajet terdahulu MITRA dan SEDIC telah mengembalikan sebahagian besar peruntukan kerajaan kepada Kementerian Kewangan.

Dengan ini, objektif asal kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat India sukar untuk dicapai. Sehubungan ini, saya memohon Kementerian Kewangan untuk mengembalikan semula semua baki peruntukan yang lepas dipulangkan oleh MITRA dan SEDIC pada tahun-tahun yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan peruntukan atau sebarang bajet bergantung pada sistem pencapaian dan implementasi yang terancang. Di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Perpaduan Negara, apakah perancangan dan perincian penggunaan peruntukan Belanjawan 2021 bagi sosioekonomi masyarakat India?

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui Kementerian Pendidikan akan menerima peruntukan terbesar iaitu sejumlah RM50.4 bilion. Manakala, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam perincian peruntukan telah mengagihkan sebanyak RM29.98 juta bagi

tujuan pembangunan sekolah-sekolah Tamil. Adakah perbelanjaan 2021 ini meliputi skop kerja seperti pembinaan tadika baharu, penyelenggaraan, penambahbaikan fasiliti, pembinaan bangunan tambahan, *relokasi* sekolah mengikut migrasi kaum India dari ladang ke bandar? Sila beri keterangan terperinci mengikut keperluan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Pelan Tindakan Pembangunan Sekolah-sekolah Tamil (PTST) yang merangkumi beberapa *stakeholder* seperti badan bukan kerajaan, pemimpin-pemimpin tempatan, PIBG dan guru-guru sekolah yang diusahakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak, bekas Perdana Menteri kita yang terdahulu harus dihidupkan semula bagi membangun infrastruktur sekolah-sekolah Tamil.

Dengan adanya PTST, kerajaan dapat membuat kajian daripada peringkat awal dan merancang teliti terhadap pembangunan sekolah Tamil mengikut keperluan semasa dan penggunaan dana yang optimum dapat dilakukan. PTST juga membantu pentadbiran peringkat sekolah untuk meningkatkan kadar pendaftaran pelajar di SJK(T) dan malahan kekurangan pelajar dapat ditangani dalam jangka masa yang panjang. Apakah pendirian Kementerian Pendidikan dalam menubuhkan PTST atau badan setaraf dengannya bagi menyelia dan merakam plan pembangunan sekolah-sekolah Tamil?.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui musim pandemik COVID-19, industri pelancongan dan perhotelan terjejas dengan teruknya. Dengan ini, saya memang menyokong Belanjawan 2021 bagi memulihkan industri berkenaan. Dalam kesempatan ini saya juga ingin meminta Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, adakah perincian bajet kementerian akan bernilai *survival* industri-industri yang saling bergantung pada industri pelancongan.

Misalnya industri makanan seperti restoran, pengurusan acara iaitu *event management*, teksi, bas ekspres dan bas sekolah. Ini kerana industri-industri tersebut walaupun tidak beroperasi di musim COVID-19 dan PKP, namun mereka terpaksa menanggung kos penyelenggaraan, sewa atau insurans, kredit bulanan, bagi gaji pekerja dan sebagainya. Dalam keadaan ini, memerlukan kepada keprihatinan kerajaan yang wajar diperlukan supaya perniagaan mereka tidak diabai dan terus kekal beroperasi.

Selain syarikat pelancongan, perhotelan dan industri berkaitan, terdapat juga banyak syarikat kecil yang lain turut '*gulung tikar*' di musim COVID-19 dan lanjutan PKP. Misalnya, perindustrian kecil dan sederhana (PKS) menyumbang sebanyak 38.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mempunyai jumlah pekerja seramai 7.3 *millions* iaitu sebanyak 48.4 peratus daripada jumlah pekerja di Malaysia. Mengikut kajian SME, didapati 73 peratus mereka akan merekodkan kerugian.

Apa usaha jangka panjang kerajaan untuk membantu PKS selain insentif di bawah PENJANA untuk memastikan peningkatan produktiviti PKS, terutama dalam usaha



menaikkan kemahiran pekerja?. Selain ini, sebagai cadangan pemulihan industri yang terkesan, saya mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia melalui Permodalan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dapat memulangkan kutipan levi yang telah dikutip daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan PSMB.

#### ■1240

Pemulangan levi berkenaan akan menjadi dana suntikan kepada kos operasi syarikat pada masa yang genting ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya isu perobohan rumah ibadat bukan Islam. Setiap kali kuil atau rumah ibadat bukan Islam dirobohkan, masyarakat Malaysia rasa mereka tidak dihormati dan ia akan menyebabkan provokasi perkauman yang tinggi dan menggugat perpaduan negara. Di Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan Kerajaan Pusat atau Kementerian Perpaduan supaya mewujudkan Jabatan Hal Ehwal Bukan Islam untuk memelihara rumah ibadat dan budaya bukan Islam di negara yang dicintai. Jabatan Hal Ehwal Bukan Islam tersebut boleh dianggotai oleh kerajaan tempatan, jawatankuasa rumah bukan Islam di bawah kerajaan negeri dan badan-badan bukan kerajaan berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi, nanti saya akan *forward* kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cadang Yang Berhormat Senator lain sebab sudah tahu 10 minit itu, cuba...

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Okey. Ada lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Boleh disambung dalam bentuk penulisan.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Okey, terima kasih. Dengan ini saya menyokong Bajet 2021.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy.

#### 12.41 tgh.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2021 ini. Terlebih dahulu saya juga ingin merekodkan— bagi rekod Dewan ini setinggi-tinggi tahniah Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad yang telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru dan juga saya mengalu-alukan dua orang senator yang mengangkat sumpah pagi tadi iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong dan Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip agar kesemua kementerian yang terlibat sepatutnya menjadi pemudah cara bagi pelbagai bantuan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawan ini khususnya untuk kumpulan B40 dan M40. Ini kerana hasrat murni kerajaan kebanyakannya tidak sampai kepada golongan sasaran kerana golongan ini rata-ratanya berada di bawah paras kemiskinan dan tidak tahu mengenai kewujudan bantuan-bantuan tersebut ataupun tidak arif membuat permohonan terutamanya permohonan atas talian.

Inisiatif khas perlu diambil bagi memastikan masyarakat terpinggir terutamanya masyarakat India, Orang Asli dan etnik lain seperti masyarakat Siam tidak ketinggalan. Bagi memastikan maklumat-maklumat tepat sampai kepada masyarakat ini, saya cadangkan kerajaan turut melibatkan badan-badan NGO dan ketua-ketua komuniti mereka dan menerbitkan risalah-risalah dalam bahasa etnik masing-masing.

Saya ingin bertanya sama ada Kementerian Perpaduan boleh menubuhkan sebuah unit khas merentasi semua agensi kerajaan dengan penjawat awam yang merangkumi semua kaum supaya golongan miskin tegar dan B40 daripada kalangan minoriti dan etnik mempunyai dengan izin, *one stop center* bagi memudahkan mereka berurusan dengan agensi kerajaan. Adalah penting, bagi penjawat-penjawat awam memahami budaya, bahasa dan prihatin terhadap keperluan unik kaum minoriti ini yang kebanyakannya berasa keberatan atau dengan izin mempunyai *inferiority complex* berhadapan dengan sistem kerajaan yang rumit dan penuh dengan prosedurnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengutamakan agenda keterangkuman selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang mana kerajaan akan meneruskan usaha untuk menyokong pembangunan Bumiputera bagi menambahbaik kesaksamaan antara kaum dengan peruntukan sebanyak RM11.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah menilai semula terma kesaksamaan antara kaum kerana terma ini adalah tidak tepat dan memberikan gambaran secara, dengan izin, *blanket assumption* bahawa terdapat jurang perbezaan yang besar antara komuniti Bumiputera dan bukan Bumiputera. Malah, kesilapan takrifan ketidaksamarataan antara kaum wujud sejak zaman kemerdekaan lagi yang mana masyarakat India dikategorikan sebagai kaum maju yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh walhal, majoritinya buruh kasar, sama ada di estet atau dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta.

Akibatnya, kaum India dipinggirkan sejak zaman kemerdekaan kerana andaian yang tidak tepat ini. Malah kini, masyarakat India diakui sebagai golongan paling terpinggir. Jadi saya ingin bertanya, sama ada Yang Berhormat Menteri Ekonomi akan memperbetulkan kategori terhadap kaum India ini dalam masa terdekat.

Seterusnya, pemberian RM100 juta kepada MITRA untuk pembangunan sosioekonomi adalah amat rendah kerana golongan terpinggir ini memerlukan, dengan izin, *specific and targeted approach*. Saya juga sedar terdapat banyak, dengan izin, *red tape* bagi membelanjakan wang ini dan ingin bertanya adakah Yang Berhormat Menteri akan memberikan kelonggaran terhadap perbelanjaan ini untuk memastikan matlamatnya tercapai?

Kerajaan harus memberikan perhatian khas kepada golongan ini yang terpinggir sekian lama terutamanya lebih 800 ribu orang yang disingkirkan dari estet-estet tanpa program penempatan semula dan peluang pekerjaan yang baharu. Saya menyarankan agar Yang Berhormat Menteri Perpaduan memberikan peruntukan yang agak besar untuk program-program dalam IR4.0 dan latihan kemahiran seperti *deep sea welding* dan sebagainya.

Sekolah Tamil di Malaysia merupakan lambang kepelbagaian Malaysia dan mempunyai sejarah lebih daripada 200 tahun, namun masih terdapat banyak sekolah dalam keadaan yang amat daif. Namun begitu, ramai murid sekolah Tamil telah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa melalui pelbagai ciptaan saintifik. Saya meminta Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan untuk meningkatkan semula peruntukan sekolah Tamil yang telah dipotong sebanyak 40 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat bukan Islam di negara kita dianggarkan lebih kurang 40 peratus. Kepercayaan kepada Tuhan prinsip pertama Rukun Negara. Semua agama mengajar penganutnya agar berbuat baik, bermoral dan cintakan setiap insan sebagai makhluk ciptaan Tuhan. Maka saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan satu peruntukan khas kepada semua kepercayaan untuk infrastruktur dan, dengan izin, *spiritual development* mereka dan bagi memastikan mereka mempraktikkan agama masing-masing selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai contoh, masyarakat Siam mengalami kesukaran untuk membina dan menyelenggarakan kubur dan krematorium mereka kerana tiada sebarang peruntukan formal daripada kerajaan. Saya percaya rakan saya Yang Berhormat Senator Aklan juga akan setuju dengan saya. Saya juga berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat membawa perubahan kepada dasar kerajaan agar keperluan semua masyarakat Malaysia dapat dipenuhi.

Seterusnya, saya meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan komitmen kerajaan dalam menyelesaikan isu kewarganegaraan yang amat ketara di kalangan masyarakat India. Masalah unik masyarakat India ini telah saya nyatakan terdahulu dan semasa dalam kerajaan terdahulu, saya telah pun menyediakan satu Kertas Kabinet yang mengandungi penyelesaian yang praktikal dan komprehensif bagi masalah kewarganegaraan

masyarakat India. Malangnya Kerajaan PH tumbang dan Menteri kini menjawab di Dewan yang mulia ini pada 23 September 2020 dan saya petik, "*Perkara-perkara yang dinyatakan dalam Kertas Kabinet berkenaan kebanyakannya sedang dan telah pun dilaksanakan oleh KDN*".

Walaupun sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan terdapat ramai, dengan izin, *Little Napoleons* di KDN yang menghalang dan sengaja menyusahkan usaha kerajaan menangani perkara ini. Jadi, saya ingin bertanya apakah usaha Menteri dalam memastikan cadangan Kertas Kabinet tersebut dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat kecewa dengan peruntukan sebanyak RM5 juta sahaja bagi kerja-kerja mengukur tanah sempadan 21 buah perkampungan Orang Asli. Hakikatnya ialah, pengukuran tanah Orang Asli memakan belanja yang lebih besar berbanding dengan tanah-tanah lain disebabkan oleh, dengan izin, *extreme condition* tanah-tanah ini. Secara praktiknya, saya anggarkan RM5 juta ini hanya memadai untuk mengukur lebih kurang 10 peratus sahaja daripada 22 buah perkampungan yang dinyatakan.

#### ■1250

Saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan, berapa lama lagi kah Orang Asli harus menunggu untuk peruntukan kewangan secukupnya bagi pengukuran tanah adat mereka? Sekiranya inilah peruntukan yang diberikan, saya rasa mungkin 50 tahun lagi masalah ini tidak akan selesai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan sulung saya pada bulan September di Dewan yang mulia ini, saya mengatakan pengiktirafan tanah adat Orang Asli adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Ini sesuatu yang diketahui umum. Kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung tidak menghormati tanah adat Orang Asli, malah menceroboh dan juga memberi tanah kepada syarikat-syarikat korporat. Ini norma lama yang menindas hak dan maruah Orang Asli.

Anehnya, saya lihat terdapat banyak papan iklan dengan slogan-slogan seperti, saya petik, "*Selamatkanlah Alam Sekitar*" dan "*Sungai Tanggungjawab Kita Bersama*". Akan tetapi, pemusnahan tanah adat Orang Asli dan pencabulan tanggungjawab Orang Asli sebagai penjaga alam pula dilihat sebagai usaha pembangunan yang membawa kepada kemakmuran negara. Aneh sekali. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

**12.51 tgh.**

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas

peluang yang telah diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan tempoh hari.

Belanjawan pada kali ini belanjawan terbesar dalam sejarah negara. Ia bernilai RM322 bilion yang merangkumi RM236.5 bilion untuk perbelanjaan mengurus, RM69 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan RM17 bilion pula di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah pun berjaya membentangkan peruntukan ataupun rang undang-undang yang dibentangkan pada beberapa minggu yang lepas.

Dalam perbahasan kali ini, pertamanya saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada *frontliners* yang telah bertungkus-lumus selama hampir setahun, berperang dengan COVID-19. Tidak ada kata-kata lain dan nilai yang dapat menggambarkan betapa besarnya jasa mereka. Betapa kita rakyat Malaysia terhutang budi dengan mereka.

Di Wilayah Persekutuan Labuan, saya sendiri menyedari bukan mudah tugas *frontliners* dalam mengawal COVID-19 ini. Cuti terpaksa ditangguhkan, malah kadangkala kita dibuai lena, mereka bersengkang mata, kita berteduh, mereka berpanas demi keselamatan kita. Semoga Allah melindungi dan merahmati barisan hadapan. Terima kasih juga kepada seluruh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) COVID-19, Wilayah Persekutuan Labuan atas usaha dan tindakan cemerlang yang telah diambil di Labuan walaupun kita masih belum menang dalam peperangan ini.

Dalam perbahasan ini, perkara pertama yang saya ingin utarakan ialah norma baharu dalam pendidikan di negara Malaysia ini. Tahun 2020 ini satu tahun yang mencabar dan agak bercelaru untuk sistem pendidikan di Malaysia. Bermula 18 Mac yang lepas, sekolah dan institusi pengajian tinggi ditutup sehingga awal bulan Jun. Selepas disambung, ada sesetengah kawasan yang terpaksa pula ditutup semula sama ada kerana terdapat kes positif ataupun berada di bawah kawasan lingkungan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Keadaan yang berlaku pada hari ini amatlah membimbangkan. Harus diingat, bukan semua sekolah dan pelajar yang mampu melakukan kaedah pembelajaran secara atas talian dengan efisien. Mungkin kita merasakan bahawa kaedah pembelajaran atas talian ini hanya memberi masalah kepada pelajar di luar bandar atas fakta kelemahan talian Internet. Akan tetapi, sebenarnya tidak kira sama ada dia di bandar ataupun di luar bandar, terdapat banyak kekangan yang dihadapi sama ada oleh ibu bapa pelajar ataupun guru itu sendiri.

Di Wilayah Persekutuan Labuan, saya telah banyak menerima aduan berkaitan perkara ini. Saya ingin berikan contoh satu situasi yang berlaku di kawasan saya ketika ini. Cuba kita bayangkan sebuah keluarga yang mempunyai empat orang anak yang bersekolah

rendah dan menengah. Semua anak-anak ini perlu mengikuti sesi pembelajaran secara atas talian. Bagaimanapun, ibu bapa mereka hendak menyediakan sekurang-kurangnya empat ataupun lima gajet, sama ada telefon pintar ataupun komputer riba memandangkan waktu pembelajaran mereka adalah serentak. Bukan semua anak-anak kita ini dibekalkan ataupun mempunyai telefon bimbit sendiri.

Ini belum lagi kita ambil kira ibu bapa yang tidak dapat bekerja dari rumah, bagaimanakah mereka hendak memantau sesi pembelajaran atas talian mereka? Sekarang ini, pelajar seawal usia tujuh tahun atau lapan tahun pun sudah terpaksa mengikut kelas atas talian. Dengan usia semuda ini, mereka masih memerlukan pemerhatian dan bimbingan daripada ibu bapa. Kesudahannya, ramai pelajar yang gagal mengikuti pembelajaran atas talian kerana ibu bapa gagal menyelesaikan segala kekangan yang berlaku.

Saya tidak menyalahkan atau menuding jari kepada ibu bapa atas masalah yang berlaku ini. Namun, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan ataupun daripada Kementerian Pendidikan pada hari ini, apakah telah ada perancangan ataupun penyelesaian kepada isu yang kita bincangkan ini?

Isu yang ketiga banjir kilat yang sering berlaku di Wilayah Persekutuan Labuan. Banjir kilat yang berulang di kawasan yang sama setiap kali hujan lebat tanpa henti lebih daripada satu jam. Keadaan akan bertambah teruk jika pada masa yang sama air laut pasang penuh. Saya merasakan sudah tiba masanya masalah ini untuk diselesaikan sepenuhnya. Saya amat bersimpati dengan mangsa banjir kilat. Bukan sahaja mereka kerugian harta benda setiap kali banjir, malahan turut menimbulkan keresahan di kalangan penduduk bilamana hujan yang akan turun mengakibatkan longkang yang akan melimpah dan banjir yang berbau busuk akan masuk ke rumah di kawasan-kawasan yang terlibat.

Saya amat berkeyakinan pegawai-pegawai agensi kerajaan khususnya Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Labuan ada kaedah untuk mengatasi masalah ini. Namun, masalah utama bagi mereka kekurangan kewangan yang mencukupi. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya agar kementerian yang berkaitan memandang serius perkara ini dan seterusnya menyediakan peruntukan yang lebih besar pada tahun 2021 bagi menyelesaikan masalah secara total, isu banjir kilat khususnya di lapan buah lokasi banjir yang kritikal termasuk di Kampung Ganggarak dan Kampung Rancah-rancah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Seterusnya yang keempat, masalah sistem bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan. Masalah bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan perlu ditangani dengan segera kerana sudah berlarutan sekian lama. Krisis yang berlaku sepanjang tahun ini telah menambahkan kerisauan kami warga Labuan. Ini disebabkan paip pecah dan kesukaran

kerja-kerja pembaikan telah menyebabkan 80 peratus hingga 90 peratus penduduk Labuan terjejas, malah pelbagai sektor ekonomi juga terganggu.

Dalam usaha menarik pelabur-pelabur untuk melabur di Labuan, khususnya dalam memacu ekonomi sektor pelancongan dan industri minyak dan gas, kegagalan mengatasi isu bekalan air ini akan menjejaskan keinginan pelabur untuk beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan. Saya berharap kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) akan dapat meluluskan peruntukan yang secukupnya bagi tahun 2021 bagi mengatasi masalah sistem pembekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan.

Seterusnya, isu Jambatan Labuan menghubungkan dengan tanah besar Sabah iaitu Menumbok.

#### ■1300

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, Menteri Wilayah Persekutuan yang telah mengangkat semula cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok. Walaupun ada suara dalam kalangan rakyat Labuan, Jambatan Labuan-Menumbok hanyalah gimik politik, namun saya tetap optimis ini bukanlah gimik politik daripada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Semasa lawatan pertama Yang Berhormat Menteri, saya sendiri melihat dan merasakan terpapar satu tekad dan sebuah cita-cita daripada Yang Berhormat Menteri untuk merealisasikan pembinaan jambatan ini yang telah menjadi dambaan puluhan tahun warga Labuan.

Apa yang dimaklumkan dalam perbahasan Dewan Rakyat atau jawapan Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini, Kabinet telah bersetuju pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan, Menumbok dengan tanah besar di seberang sana yang akan dilaksanakan secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Namun, apa yang amat diharapkan ataupun amat kita harapkan di Wilayah Persekutuan Labuan, dalam proses memuktamadkan terma-terma rujukan untuk melaksanakan proses permohonan cadangan, atau *request for proposal* (RFP), dengan izin, memasukkan penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam proses pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

Akhir sekali, saya menyeru kepada kerajaan agar menyegerakan pelaksanaan pembinaan projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya amat mengharap kerajaan hari ini yang dilihat sebagai sebuah kerajaan prihatin kepada isu rakyat dapat melaksanakan semula projek-projek yang telah diluluskan pada zaman Kerajaan Barisan Nasional dan ditangguhkan pada zaman Kerajaan Pakatan Harapan iaitu di antaranya:

- (i) pembinaan Masjid Ar-Rahman Kampung Sungai Lada;
- (ii) Masjid Nur Iman, Kampung Ganggarak;
- (iii) Surau Nurul Islam di pusat bandar;
- (iv) Surau Darul Salam di Kampung Patau-patau di bawah peruntukan MAIWP;
- (v) pembinaan klinik kesihatan jenis 5D, Kampung Bebuloh di bawah Kementerian Kesihatan;
- (vi) kerja-kerja mengawal hakisan pantai di Kampung Sungai Miri dan Kampung Sungai Pagar di bawah KASA; dan
- (vii) kerja-kerja menaik taraf dan mengganti sistem agihan bekalan air di sepanjang jalan-jalan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Saya bertanya kepada kementerian-kementerian, bilakah tender tersebut akan dibuat? Sekurang-kurangnya dalam keadaan ekonomi yang suram atau ekonomi yang teruk di Wilayah Persekutuan Labuan, kehadiran projek ini akan dapat merangsang ataupun menjadikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengetuk tukul]* Masa habis Yang Berhormat.

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** ...*Stimulate* kepada perancangan ekonomi di Labuan. Akhirnya sebagai penutup, besarlah harapan saya agar isu-isu yang saya bangkitkan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kerajaan. Saya titipkan doa agar kita terus beroleh kejayaan dan Malaysia kembali pulih seperti sedia kala dan bertambah maju.

Akhir kata, saya sudahkan perbahasan saya dengan ucapan, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk John Ambrose.

**1.03 ptg.**

**Datuk John Ambrose:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat-sahabat yang tadi berbahas. Salam sejahtera buat semua.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan atas pembentangan bajet yang terbesar dalam sejarah negara iaitu sebanyak RM322.5 bilion yang telah mengambil kira keperluan semua golongan dalam negara. Saya meminjam kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*no one is left behind*". Ibu tunggal, kanak-kanak, warga miskin, warga emas, orang bujang, pekerja, majikan, semua dibela.

Tuan Yang di-Pertua, berlatar belakangkan serangan pandemik COVID-19 yang bermula awal tahun 2020, saya percaya bajet untuk tahun 2021 adalah *unprecedented* dan



telah jelas terbukti yang terbesar dalam sejarah Malaysia. Kesejahteraan kebajikan rakyat dalam situasi ekonomi negara tentunya diberikan keutamaan dan akan memerlukan perbelanjaan yang besar dan luar biasa. Negeri-negeri yang terkesan dengan teruk oleh pandemik ini seperti Sabah amat memerlukan peruntukan yang besar untuk memulihkan kehidupan rakyat dan ekonomi negeri. Justeru, tidaklah keterlaluan bagi saya untuk meminta agar peruntukan bagi Sabah pada tahun 2021 hendaklah *beyond* apa yang diperuntukkan pada tahun 2020 kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana dalam Bajet 2021 ini terdapat sejumlah RM5.1 bilion peruntukan kepada negeri Sabah dan juga sebanyak RM3.8 bilion lagi untuk projek Lebuhraya Pan-Borneo serta pakej-pakej yang lain. Satu peruntukan yang besar saya yakin akan dapat memberikan manfaat yang besar kepada negeri Sabah. Saya juga yakin bahawa jumlah peruntukan yang besar untuk luar bandar akan membantu keperluan pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar di negeri Sabah seperti:

- (i) menaik taraf jalan luar bandar;
- (ii) bekalan air;
- (iii) jalan akses ke kampung-kampung;
- (iv) perumahan untuk rakyat termiskin dan infrastruktur; dan
- (v) kemudahan perniagaan di luar bandar.

Namun, saya ingin membangkitkan sedikit di sini berkenaan tentang pembangunan infrastruktur di kawasan daerah Penampang. Seperti sedia maklum, peruntukan sebanyak RM2.7 juta diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru ini bagi membangunkan infrastruktur luar bandar amat penting. Dengan itu, saya meminta pihak kerajaan memfokuskan bagi pembangunan sekolah daif bukan sahaja di kawasan saya tetapi di negeri Sabah amnya.

Keduanya, ialah berkenaan projek Lebuhraya Pan-Borneo yang mana projek ini juga meliputi kawasan daerah Penampang. Apa yang saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah masalah banjir yang sering berlaku di kawasan saya dan penduduk kawasan saya ada mengadu tentang bahaya ia kepada penduduk di kawasan saya. Saya mengharapkan pihak kerajaan meneliti perkara ini kerana ini melibatkan keselamatan rakyat di kawasan saya.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Di Penampang Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar tahun ketiga Universiti Malaysia Sabah telah membuat kajian impak pelaksanaan Lebuhraya Pan-Borneo dan kesannya

kepada penduduk di daerah Penampang. Saya harap agar dapat diperluaskan lagi ke seluruh negeri Sabah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah perwujudan hospital baharu di kawasan saya di Penampang. Musim pandemik ini kita tahu bahawa kes ini meningkat. Saya mencadangkan pihak kerajaan agar mewujudkan sebuah hospital di daerah saya di Penampang dan seterusnya dapat menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat terus dibela. Dengan penduduk yang ramai, pastinya ini memerlukan kemudahan hospital yang serba lengkap dan dapat menampung pesakit yang telah dimasukkan. Saya juga minta pihak kerajaan dapat menyediakan doktor-doktor pakar bagi memastikan kualiti perkhidmatan dapat dipenuhi dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan, elaun sebanyak RM500 secara *one-off* diberikan kepada petugas-petugas kesihatan ini bagi menghargai anggota barisan hadapan KKM yang dijangka memberikan manfaat kepada seramai 100 ribu orang petugas.

#### ■1310

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak kerajaan dalam memberi peruntukan sebanyak RM1 bilion yang bertujuan untuk membantu mangsa COVID-19 ini. Kementerian Dalam Negeri, dengan berlakunya *third wave* di Sabah, terbukti bahawa orang pendatang tanpa izin, kerajaan mesti mencari jalan dan usaha lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini walaupun terpaksa berbelanja besar. Ini kerana seperti dimaklumkan baru-baru ini kes COVID-19 di Sabah meningkat mendadak akibat kes tahanan pendatang tanpa izin yang lari dari pusat kuarantin.

Keselamatan negara dan rakyat mestilah diutamakan. Kebimbangan ini bukan sandiwara, ini bukan lawak jenaka dan bukan bermotifkan politik. Syabas saya ucapkan kepada kerajaan atas usaha sedang melaksanakan melalui Ops Benteng yang melibatkan ATM, PDRM dan semua agensi penguat kuasa, imigresen dan lain-lain dan pertahanan negara. Lebih banyak ops yang serupa ini perlu dilaksanakan di lokasi yang lain bagi memastikan usaha untuk membanteras PTI lebih berjaya.

Bagi PATI sekurang-kurangnya berada dalam Malaysia khususnya Sabah, satu tindakan holistik perlu diambil untuk menanganinya dengan secepat mungkin. Keberadaan mereka di negara ini merupakan ancaman sosial kepada kita. Saya mengalu-alukan peruntukan sebesar yang diberikan kepada KDN berjumlah RM17 bilion dan Kementerian Pertahanan berjumlah RM16 bilion demi pertahanan negara. Saya berharap usaha ini, tindakan membanteras PATI akan lebih berkesan dan berjaya. Sesungguhnya kami di Sabah amat memerlukan tindakan yang amat holistik daripada kerajaan.

Saya ingin membangkitkan masalah pengangguran di kalangan rakyat terutama anak muda di negeri ini. Sehingga bulan Oktober 2020, peratus pengangguran telah lebih menurun dari 4.7 peratus. Kerajaan juga menjangkakan menjelang bulan Disember ini peratus itu menurun lagi kepada 4.5 peratus.

Melalui insentif PENJANA HRDF, sebanyak lima skim telah diperkenalkan. Antaranya latihan dan penempatan, pembangunan B40, Pembangunan SME, Revolusi Industri 4.0, Gerak Insan Gemilang (GIG). Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah skim ini diperluaskan juga pada Sabah dan Sarawak. Adakah ini impak pelaksanaan program ini dapat melibatkan lebih luas.

Oleh sebab masa tidak ada, satu lagi perkara ialah yang melibatkan SKMM berjumlah RM74 juta ini, saya harap supaya kes seperti Veveonah ini dan lain-lain di kawasan luar bandar akan tinggal sejarah sahaja. Saya mencadangkan bahawa skim satu baru yang diperkenalkan iaitu Solar Polar Autonomous, CONNECTme NOW telah dilaksanakan di beberapa buah tempat di kawasan saya. Saya harap ini pun sudah dilaksanakan di beberapa buah tempat di negeri Sabah.

Akhir sekali, saya menerima beberapa aduan daripada pegawai-pegawai dari negeri Sabah yang bertugas di Semenanjung Malaysia. Mereka memohon kalau boleh Elaun Perumahan Wilayah mereka dinaikkan sama taraf dengan para pegawai dari Semenanjung dan bertugas di Sabah supaya mereka dapat hidup dengan lebih selesa semasa mereka bertugas.

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, saya mengucapkan Selamat Hari Krismas buat semua sahabat, ahli keluarga yang meraikan dan juga selamat menyambut Tahun Baru 2021 kepada semua. Semoga tahun yang baharu ini kelak menjadi tahun yang lebih baik buat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

*Bunga dedap di atas para,  
Anak Dusun pasang pelita,  
Kalau tersilap tutur bicara,  
Jemari disusun minta maaf.*

*Mohon berangan tempat bertemu,  
Girangnya rasa si anak dara,  
Baliklah tuan membawa ilmu,  
Binalah bangsa bangunkan negara kita.*

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk John Ambrose. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Nga Hock Cheh.

### 1.15 tgh.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberi kepada saya berbahas Belanjawan 2021. Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada satu tarikh yang agak bersejarah di negeri Perak pada 4 Disember 2020. Untuk meringankan suasana Dewan yang mulia ini, izinkan saya rumuskan apa yang terjadi dengan serangkap dua pantun.

*Harapkan pegar, pegar makan padi,  
Harapkan PN, MB Perak hilang majoriti,  
Pijak mabuk kuasa kurang berhati-hati,  
Diusul sokongan terselit pisau belati.*

*Adun PN pura-pura senyum berseri-seri,  
Demi kuasa tikam MB dari pasukan sendiri,  
Kejatuhan Faizal jelas terbukti,  
Siapa tamak dialah yang rugi.*

Tuan Yang di-Pertua, pengorbanan Faizal di negeri Perak merupakan bukan sia-sia sahaja bahkan telah membawa manfaat kepada negeri Perak. Untuk mengekalkan kestabilan politik, satu perjanjian keyakinan dan perbekalan *confidence and supply agreement* telah ditandatangani oleh Menteri Besar baharu Yang Amat Berhormat Datuk Saarani Mohamad dengan Pakatan Harapan.

Bridget Welsh dalam satu artikel bertajuk *Perak's Multi-Partisan Milestone* dalam Malaysia Kini bertarikh 17 Disember 2020 telah memberi komen berkenaan CSA seperti berikut dan saya memetik, "*Less than two weeks after Ahmad Faizal Azumu was removed by a vote as Menteri Besar in Perak, the Pakatan Harapan opposition and Perikatan Nasional (PN) state government - now led by Umno's Saarani Mohamad - have sealed a deal through a Confidence and Supply Agreement (CSA) that will allow for modest reforms in governance in the state.*

*If it holds, this deal represents an important shift towards greater partisan cooperation, a move away from the zero-sum polarising politics that have pitted Malaysians against Malaysians and divided the country. This milestone showcases greater pragmatism and a return to the needed focus on reform, in a year where reforms have been brutally battered by power struggles, greed, and blind personal ambition.*"

BERSIH juga mengalu-alukan perjanjian CSA yang dicapai oleh ADUN-ADUN politik Perak dengan komen yang berikut dalam *MalaysiaKini* pada 7 Disember 2020. Dengan izin saya petik, "*It is said this may have been the first CSA in Malaysia between the government and the opposition and it shows the way forward to address the political instability in the Federal Government. This is also new norm and example of mature political practice that*

*should be normalized by political parties in the new era of Malaysian politics to deal with a fierce political competition about the number of six, held by the respective political parties.”*

Mungkin masa sudah sampai untuk Kerajaan Persekutuan meneliti dan menimbang perkembangan norma politik baharu yang dicapai oleh negeri Perak dan menggunakan cara yang sama di peringkat Persekutuan untuk membawa lebih kestabilan bagi kesejahteraan rakyat.

#### ■1320

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perenggan 10 dan 18 ucapan Belanjawan 2021. Izinkan saya baca perenggan 10 dalam Bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris. Bagi mengimbangi perkara kewajipan melindungi rakyat dan menjamin kelangsungan ekonomi, kerajaan perlu bertindak pantas. Oleh itu, pelan pemulihan ekonomi secara berfasa telah diperkenalkan menggunakan pendekatan 6R iaitu “Resolve”, “Resilience”, “Restart”, “Recovery”, “Revitalize” and “Reform.”

Dalam Bahasa Inggeris berbunyi, *in balancing of responsibility to protect the lives and livelihood of the rakyat, the Government has to act quickly as such if phase economic recovery plan was introduced centered on the 6R approach of “Resolve”, “Resilience”, “Restart”, “Recovery”, “Revitalize” and “Reform.”*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggunakan bahasa Inggeris untuk bahagian ini sahaja menyentuh perenggan 10 yang tadi saya sudah baca. *I crave indulgence to make three observations on the last sentence of perenggan 10. First, the use of the proposition “Of” in the sentence could have been better substituted with the words “Namely” or “i.e.,” or to be more legalistic, “To wit”. Secondly, instead of the 3<sup>rd</sup> R being Restart, it would be more meaningful to substitute it with “Reset”. I will explain why. Thirdly, in terms of the sequence of arrangement of the 6Rs, it is respectfully submitted that the rearrangement of the 6R to read, Resolve, Reset, Reform, Revitalize, Recovery and Resilience would be more logical and meaningful.*

*We start with the verb and that ends with the nouns. You don’t used the word “Of” to apply to both verb and nouns. It is bad grammar in English. It is imperative and essential for the government to resolve, to reset and to reform in order to revitalize the recovery and resilience of the economy and the welfare of the rakyat.*

*Now, according to Webster’s Dictionary, the word “Reform” means to change from worst to better, to introduce improvement in, to bring from bad to good state, as a person to remove or abolish for something better, to abandon evil and return to good, to amend one’s behavior. The word “Reset” means to set again or differently.*

*At this juncture, Tuan Yang di-Pertua it will be appropriate for us to reflect our national journey since Merdeka on 31 August 1957 which is a journey of more than 63 years. If we take a good look, many of the other neighboring countries have overtaken us in terms of*

*development. Singapore first left Malaysia on 9 August 1965. The Malaysian Ringgit and the Singapore Dollars was one to one. Today, One Singapore Dollar is equivalent to three Malaysia Ringgit and Singapore has no natural resources in comparison to Malaysia, we have so much wealth in our natural resources.*

*So, what is important is for us to recruit people of integrity and competence to fill important key positions like the GLCs or the heads of department. It is said that if a cat is good at catching a rat, it doesn't matter the warna of the cat. It could be white or black- is the masa up already or not?*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah masa.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Untuk 10 minit? Sudah? Oh maaf. So, biar saya quote Nelson Mandela untuk penutupan saya, kesimpulan. *"Our world is not divided by race, colour, gender, or religion. Our world is divided into wise people and fools. And fools divide themselves by race, colour, gender, or religion."* So, we hope that the government would treat all the rakyat with fairness as ventilated by several of the Senators.

Kepada rakan-rakan yang beragama Kristian, saya ucapkan *Merry Christmas* dan kepada semua lain-lain Yang Berhormat Senator, Selamat Tahun Baru 2021. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Tuan Nga Hock Cheh. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

**13.27 tgh.**

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pemilihan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan mulia ini. Terima kasih atas peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

Belanjawan 2021 bertemakan *Teguh Kita Menang Bersama*. Tahun 2021 juga merupakan tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan visi Wawasan Kemakmuran Bersama, dengan izin, *Shared Prosperity Vision*.

Secara keseluruhannya, belanjawan ini telah digubal untuk menghadapi cabaran yang berkenaan. Saya menyokong peruntukan bagi barisan hadapan dalam usaha menentang pandemik COVID-19. Saya juga menyokong program-program rangsangan untuk menyokong ekonomi dan bantuan yang diberikan kepada mereka yang telah terjejas terutamanya golongan B40 dan mereka yang kehilangan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa isu mengenai Belanjawan 2021. Kita mempunyai defisit yang lebih besar daripada dahulu. Memandangkan situasi semasa, keadaan ini boleh difahami. Akan tetapi, masa akan tiba apabila kita perlu berdepan

dengan isu defisit dan hutang negara. Cas perkhidmatan hutang, dengan izin, *debt service charges* berada pada tahap sebanyak RM39 bilion atau sebanyak 12.1 peratus daripada jumlah Belanjawan 2021.

Ini tidak mengambil kira bayaran balik bagi hutang pokok, dengan izin, *the principal sum*. Apakah pelan tindakan untuk mengurangkan defisit dan hutang ini? Adakah pelan tindakan itu realistik? Seperti mana dalam semua kes, terdapat tiga cara sahaja iaitu menambahkan hasil pendapatan, mengurangkan berbelanjawan atau kombinasi keduanya.

Daripada segi hasil pendapatan, kita mempunyai sumber hasil tambahan yang terhad. Sebanyak 26.5 peratus daripada hasil pendapatan kerajaan datang daripada pinjaman dan penggunaan aset kerajaan.

#### ■1330

Cukai langsung dan tidak langsung membentuk 40.9 peratus dan 13.2 peratus masing-masing. Nisbah cukai kepada KDNK, dengan izin, *tax to GDP ratio* bagi negara kita ialah 12.5 peratus bagi tahun 2018. Angka ini semakin berkurangan dan adalah rendah bagi mana-mana negara. Nisbah purata bagi negara-negara OECD bagi tahun 2019 ialah 33.8 peratus.

Jumlah hasil kutipan cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri amatlah terpuji memandangkan suasana ekonomi yang mencabar sekarang. Selain dari tahun ini, hasil pungutan cukai pendapatan telah bertambah setiap tahun. Menghapuskan cukai barangan dan perkhidmatan GST bukan sahaja menghapuskan satu sumber pendapatan yang besar bagi negara kita tetapi juga menghapuskan satu sistem cukai yang efisien dan diguna pakai oleh hampir seluruh negara di dunia ini.

GST telah diganti oleh Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) iaitu satu sistem cukai yang tidak begitu efisien. Saya bukan menyokong pelaksanaan semula GST dengan segera. Sebaliknya saya menyokong perancangan dan penggantian SST dengan GST akhirnya. Kementerian Kewangan boleh dan patut mula mengkaji perkara ini dan rancangan pelaksanaan pada akhirnya. Mungkin kita boleh bermula dengan kadar GST tiga peratus dan bukannya enam peratus. Untuk mengelakkan kelewatan dalam bayaran balik dan masalah pelaksanaan GST, agensi pelaksana sepatutnya Lembaga Hasil Dalam Negeri dan bukan Jabatan Kastam.

Negara kita masih banyak bergantung kepada hasil pendapatan daripada sumber-sumber berkaitan dengan petroleum. Pada tahun 2019, hasil pendapatan daripada sumber-sumber petroleum 30.9 peratus daripada jumlah pendapatan. Purata tahunan bagi tempoh 2009 sehingga 2014- 34.6 peratus setahun. Kebanyakan kekayaan sumber petroleum datang dari Sarawak dan Sabah.

Perkara ini telah berlangsung semenjak tahun 70-an dan terutamanya pada tahun 80-an dan 90-an, apabila harga minyak tinggi. Ia telah memacu pembangunan negara dan sebahagian besar daripada pendapatan tersebut telah digunakan dalam pelaksanaan projek-projek mega dan *bailout*. Banyak daripada kekayaan tersebut telah dibazirkan. Malangnya dan ironinya bagi Sarawak dan Sabah dari mana kekayaan ini didapati, telah ketinggalan daripada segi pembangunan. Kedua-dua buah negeri mempunyai peratusan miskin mutlak yang paling tinggi di negara kita.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin kerana bersetuju membayar cukai jualan Sarawak bagi petroleum dari Sarawak. Ini adalah jauh berbeza daripada kerajaan dahulu di bawah Tun Mahathir. Dalam masa kurang dari satu bulan selepas mengambil alih kerajaan pada 4 Jun 2018, PETRONAS telah mencabar hak Sarawak untuk mengenakan cukai jualan negeri di mahkamah.

Apabila Sarawak dan Sabah dipujuk untuk menyertai pembentukan Malaysia, dua janji dan jaminan telah ditawarkan kepada rakyat di kedua-dua wilayah ini. Janji pertama ialah pembangunan yang lebih cepat dan baik untuk kedua-dua buah negeri. Pemimpin-pemimpin Sarawak telah dibawa melawat ke Semenanjung Malaysia pada tahun 1962 untuk melihat pembangunan di sini dan telah dijanjikan bahawa pembangunan yang sama akan berlaku sekiranya kedua-dua buah negeri mengambil bahagian dalam pembentukan negara baharu.

Selepas hampir 60 tahun kemudian, kami masih belum ada sebuah lebuh raya yang sempurna. Banyak sekolah di luar bandar berada dalam keadaan daif dan perkhidmatan kesihatan tidak sampai ke kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman. Saya akan menyentuh isu sistem kesihatan dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kesihatan merupakan belanjawan yang kedua besar selepas pendidikan. Sampai sekarang, Sarawak dan Sabah masih kekurangan kemudahan doktor, pakar kesihatan dan pegawai sokongan. Sebagai contoh, hospital awam yang pertama di bandar saya, Sibu iaitu Hospital Lau King Howe telah dibina dengan derma daripada mendiang Lau King Howe pada tahun 1936. Beliau telah menjual harta benda beliau dan menderma kebanyakan wang beliau kepada hospital ini yang telah digunakan sehingga tahun 1993 iaitu hospital baharu, Hospital Sibu siap dibina.

Hospital Sibu sekarang amat sesak dan perlu diperbesarkan kerana Hospital Sibu memberikan perkhidmatan kepada populasi yang besar di kawasan pedalaman yang menghadapi kekurangan perkhidmatan kesihatan yang ketara. Bagi lima tahun yang lepas, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, cuma RM2.83 juta telah dibelanjakan untuk menaikkan taraf Hospital Sibu. Ini bersamaan dengan setengah juta setahun.



Hospital Sibu amat bertuah kerana mendapat sokongan daripada komuniti tempatan. Baru-baru ini syarikat-syarikat tempatan telah menderma lebih kurang setengah juta untuk pembelian dua buah alat perubatan- bagi tujuan ujian COVID-19 atau mesin ujian PCR dan mengubahsuai sebuah *pantry* di hospital untuk dijadikan makmal ujian COVID-19.

Saya harap belanjawan ini mengandungi peruntukan untuk Hospital Sibu yang amat memerlukan sebuah bangunan klinik pakar dilengkapi dengan segala kemudahan sokongan, pakar perubatan dan pegawai sokongan. Anggaran kos RM340 juta. Tuan Yang di-Pertua, masa sudah sampai?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sampai sudah.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Saya masih ada beberapa isu yang mahu sentuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat kena habiskan sebab kita ada empat lagi pembahas.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Saya beri kesimpulan, *last*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Ya. Sebagai rumusan, kita haruslah belajar hidup dengan berhemah dan menggunakan sumber-sumber yang terhad dengan bijak dan efisien. Kita terpaksa menghadapi suatu hari- apabila kita tidak dapat hasil pendapatan daripada petroleum. Satu-satunya cara untuk mencapai sasaran hidup dengan berhemah ialah secara efisien dan menggunakan bakat kita.

Kita harus mengkaji struktur ekonomi kita dengan penuh terus-terang dan jujur dengan fokus ke atas objektif kita. Visi Rancangan Malaysia Kedua Belas iaitu 'Kemakmuran Bersama' mestilah satu visi yang jujur di mana kemakmuran dikongsi oleh semua orang di Malaysia tanpa mengira kaum dan latar belakang. Bantuan yang diberi oleh kerajaan mestilah berdasarkan ke atas satu kriteria sahaja iaitu di mana ada keperluan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru kepada semua. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

**1.39 ptg.**

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Seri atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua tempoh hari.

Terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya membahas berkenaan dengan Belanjawan 2021 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 November di peringkat Dasar dan pada 15 Disember selepas bacaan kali ketiga. Walaupun bajet ini telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan, namun akhirnya, ia sampai juga ke dalam Dewan yang mulia ini untuk di bahas.

■1340

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini menghuraikan sebuah pelan untuk memastikan ekonomi negara kekal bertahan. Persekitaran perniagaan yang terus kondusif di samping kesejahteraan rakyat terus terjamin. Semua ini tatkala negara masih berperang dengan musuh bahaya yang tidak nampak yang telah mengakibatkan ramai terkorban seluruh dunia.

Semasa ekonomi terus menghadapi cabaran ini, belanjawan ini menampakkan usaha berhati-hati tetapi tegas dan berpandangan ke hadapan kerajaan dalam mengurus kewangan awam. Ini bermakna, bajet ini mampu mempertahankan ekonomi dalam jangka masa pendek dan juga melabur dalam jangka masa panjang.

Bajet ini mengumumkan bantuan-bantuan dan inisiatif-inisiatif penting yang dapat memberi kelegaan kepada rakyat dan perniagaan yang terkesan semasa pandemik ini dan pada masa yang sama mengumumkan pelaburan dalam pembangunan seperti perkhidmatan awam, infrastruktur, dan jaringan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab kenapa bajet ini tidak diluluskan sebab ia memberi keutamaan kepada melindungi kesihatan awam dengan dana untuk membendung gelombang ketiga. Ia termasuk seperti memberi pemberian *one-off* kepada barisan hadapan, mendapatkan sumber vaksin yang sangat diperlukan dan banyak keperluan lain seperti mengukuhkan Program Kesihatan Mental dan sebagainya.

Bajet 'kerajaan prihatin' ini juga memelihara kebajikan golongan rentan yang paling terkesan. Meringankan beban kewangan rakyat termasuk B40 dan menambah bantuan kepada petani, peladang dan nelayan.

Langkah-langkah untuk menjana dan mengekalkan pekerjaan melalui inisiatif seperti PenjanaKerjaya dan mencipta peluang pekerjaan dengan terbentuknya Majlis Pekerjaan Negara. Program MySTEP yang merupakan peluang bekerja di sektor awam melanjutkan lagi program subsidi upah, semua ini usaha yang akan menyejahterakan rakyat. Semua ini sangat dialu-alukan majikan, pekerja dan masyarakat umumnya.

Saya ingin sentuh juga berkenaan dengan wang pembiayaan mikro kredit khas melalui Tekun Nasional (TEKUN), MARA dan AgroBank. Ini sudah pasti akan memperkasakan golongan wanita. Saya sarankan untuk dibuat lebih lagi promosi dan penerangan di luar bandar di Sarawak berkenaan pembiayaan ini sebab ramai juga yang tidak tahu akan kewujudan dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, strategi keterangkuman bajet ini juga akan meningkatkan taraf kehidupan rakyat luar bandar dengan membangunkan infrastruktur, memastikan adanya kesalinghubungan digital dan akses kepada pendidikan berkualiti di kawasan luar bandar.

Telah diumumkan peruntukan RM7.4 bilion bagi tahun hadapan dan 2022 bagi memperluaskan perkhidmatan jalur lebar. Sehubungan dengan ini, saya berharap akan dapat diselesaikan isu di mana syarikat telekomunikasi dikatakan tidak berminat ke luar bandar di Sarawak sebab banyak kawasan kurang penduduk. Jadi, tidak untung untuk mereka. Akibatnya, walaupun ada menara tetapi tidak ada syarikat telekomunikasi yang mahu memberi perkhidmatan.

Jadi, bagaimanakah kerajaan akan mengatasi masalah ini? Sebab masalah ini akan berpanjangan kalau hendak tunggu cukup bilangan penduduk lama lagi jawabnya. Soalannya sudahkah kerajaan mencari penyelesaian bagi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini juga menyediakan asas untuk negara mara ke hadapan di mana ia menghuraikan perancangan untuk melabur dalam teknologi tinggi dan berinovasi nilai tambah tinggi dan R&D. Ini sudah tentu memberi sokongan kepada rakyat untuk menambahkan kemahiran yang diperlukan oleh mereka ketika ekonomi berkembang supaya negara dapat menggunakan peluang pada dekad seterusnya dan mencapai potensinya.

Bajet ini menggalakkan penghasilan produk tempatan dengan diumumkan Skim Pembangunan Nasional yang menyokong pelaksanaan pembangunan rantai bekalan domestik dan meningkatkan penghasilan produk tempatan. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dinantikan oleh masyarakat luar bandar ialah pertanian dan sektor komoditi kerana ini dekat dengan hati mereka.

Bajet ini menghuraikan untuk memperkukuhkan sektor tumpuan seperti pelaburan dalam pertanian dan pembangunan sektor komoditi yang dapat memangkinkan pertumbuhan pada dekad yang akan datang. Ini berita gembira untuk masyarakat luar bandar sebab sektor ini dapat menaikkan taraf kehidupan mereka. Tanaman seperti sawit, perusahaan burung walet, tanaman Musang King, madu kelulut, buah-buahan, ikan dengan sistem dapat menjana pendapatan yang baik dan digemari oleh petani dan pengusaha di Sarawak.

Bajet ini juga memberi keutamaan kepada automasi dan pendigitalan supaya keberhasilan negara dapat meningkat di masa hadapan dan mempercepatkan transformasi ke arah ekonomi berpendapatan tinggi antaranya melalui Skim Transformasi Pendigitalan Industri. Ini kita alu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mendapat manfaat secara langsung daripada inisiatif dan program-program yang diumumkan untuk seluruh negara. Selain daripada itu, peruntukan melalui inisiatif dan program melalui pelbagai kementerian. Sarawak juga diberi peruntukan khas sebanyak RM4.5 bilion untuk pembangunan. Ini sebagai usaha menyamaratakan

pembangunan di antara wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Sudah pasti akan memberi manfaat yang besar kepada pembangunan di Sarawak dan bakal dinikmati oleh rakyat Sarawak.

Bajet ini juga mengumumkan penyampaian perkhidmatan alternatif di mana kerajaan akan bekerjasama dengan NGO dan perusahaan sosial, *social enterprise*, dengan izin, dalam agenda negara. Saya rasa ini salah satu langkah yang menarik dan baik terutamanya untuk kawasan luar bandar dan pendalaman Sarawak di mana penyampaian perkhidmatan dengan gandingan kerjasama antara kerajaan dengan NGO pasti lebih berkesan dalam usaha membawa pemerksaan dan inisiatif-inisiatif seperti keusahawanan ke dalam komuniti setempat.

Saya tertarik dengan dana untuk NGO di mana geran dari kerajaan akan dipadankan dengan sumbangan daripada yayasan milik GLC. Dengan itu saya ingin penjelasan, apakah GLC dan yayasan mereka yang akan terlibat dalam program ini? Namun, kerajaan hendaklah membantu penubuhan NGO dan perusahaan sosial sebab ramai masih kurang jelas dengan konsep ini dan bagaimana mereka dapat manfaat daripadanya.

Kita mahu melihat lebih banyak lagi NGO setempat dan *social enterprise* ditubuhkan bahkan, NGO jika betul dibantu dan dididik mereka dapat berperanan dalam membantu kerajaan dalam bermacam-macam isu setempat. Misalnya, daripada segi mencapai kelestarian sumber dan pemuliharaan alam sekitar. Kerajaan juga hendaknya membantu NGO dan perusahaan sosial daripada segi kemampuan untuk menjalankan usaha sama dengan kerajaan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

**1.49 ptg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menjemput saya sekali lagi terlibat dalam perbahasan kali ini. Tadi saya terfikir terlepas pandang. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan tahniah kepada Dato' Seri ke atas pemilihan Dato Seri' sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

■1350

Tuan Yang di-Pertua, negara kita dan juga dunia sedang diancamkan dengan COVID-19. Hampir 218 buah negara dan wilayahnya diancamkan oleh COVID-19. Sebanyak 77,000,000 kes jangkitan di seluruh dunia. Seramai 1.7 juta kematian. *Active case* sekarang di dunia ini sebanyak 21 juta.

Di Malaysia juga ada sebanyak 92,000 setakat hari ini jangkitan dan *active case* sebanyak 15 ribu. Mengikut *research* daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), sebanyak 81 juta orang pekerja akan hilang pekerjaannya pada tahun ini akibat COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya panjangkan perbahasan ini, terlebih dahulu saya akan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas persetujuan beliau melantik saya semula untuk kali yang kedua di dalam Dewan yang mulia ini dan juga Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Presiden saya, Parti Demokratik Progresif di Sarawak kerana kepercayaan beliau kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya cakapkan tadi, ancaman dari COVID-19 ini memang berbahaya. Jadi, memandangkan tindakan tidak menentu dalam ekonomi dan kesihatan dunia dan juga negara kita. Kerajaan telah ada banyak inisiatif untuk membendung dan mengurangkan beban kesan ancaman COVID-19 sepertimana yang kita tahu rangsangan ekonomi, Rangsangan Ekonomi Prihatin dan pakej PENJANA dan Kita Prihatin.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang akan merekodkan tahniah kepada Kerajaan Perikatan Nasional dan khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berjaya membentangkan bajet di Dewan Rakyat yang lalu, minggu lalu. Yang Berhormat dengan latar belakangnya yang luas dan berpengalaman dalam usaha urusan-urusan kewangan dan dibantu juga dengan semua Jemaah Menteri yang berkaliber tinggi. Kita memang tidak berasa khuatir.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menyentuh perkara-perkara berhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Apa telah tercapai, persetujuan kebenaran sebanyak lima peratus cukai hasil petroleum pada Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur akhirnya persetujuan antara Kerajaan Persekutuan, pihak Petronas dan Kerajaan Negeri Sarawak telah dapat menambahkan kutipan *revenue* pada Sarawak sebanyak lima peratus daripada hasil petroleum oleh Petronas dari Sarawak.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, merakamkan satu rangkap pantun kepada *committee* MA63.

*Bintang di Timur cuaca baik;  
Cahayanya sampai ke Semenanjung sekarang;  
Mulut manis hatinya baik;  
Inilah budi dikenang orang.*

Kita harap keputusan atau hasil MA63 akan mengagumkan kita. Satu lagi perkara yang kita dialu-alukan ialah peruntukan sebanyak RM41 juta untuk *perimeter survey* Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) ke Sarawak dan Sabah. Dalam bajet tahun lepas, peruntukan seperti ini dihentikan oleh kerajaan terdahulu.

Terima kasih Kerajaan Perikatan Nasional, lagi dipimpin Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin. Sangat prihatin kepada orang asal bumiputera di Sarawak dan Sabah. Saya akan menyentuh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri. Saya akan bangkitkan sedikit isu peruntukan kepada Kementerian Pertahanan dan

Kementerian Dalam Negeri mengenai satu, Tuan Yang di-Pertua, permohonan penambahan daripada TUDM untuk menggantikan helikopter Nuri atau Sikorsky S-61A-4 yang lama sudah *dicommission* sejak masa *British* era 1952 yang lalu. Jenis helikopter ini adalah tidak berapa sesuai dalam operasi masa *high-tech* hari ini.

Kos *maintenance*-nya sudah tinggi, alat ganti- *spare parts* yang tiada lagi Tuan Yang di-Pertua dan sudah dan mungkin akan jadi *obsolete*. Kita dimaklumkan penggantian akan dicadangkan dalam masa lima tahun. Semasa lima tahun, saya fikir terlalu lambat. Mengapakah menyimpangkan peruntukan ini kepada bajet sekarang?

Satu lagi permintaan dari TUDM antara 36 buah pesawat seperti *flight light trainer* dan *light combat aircraft* dipercepatkan kelulusannya dan dimasukkan dalam bajet ini juga. Navy, tentera, Tentera Darat dan PDRM juga pasukan yang tetap sentiasa *frontliners* kita dalam peperangan biar COVID-19 atau tidak. Dalam *peace time* atau tidak. Mereka perlu disiapsiagakan dengan kelengkapan yang moden dan canggih.

Adakah kementerian berhasrat mencadangkan membina *Military Intelligence Satellite* sendiri untuk melepaskan kita daripada menumpang aset luar negara? Tuan Yang di-Pertua, ada satu hal yang penting yang saya dimaklumkan tadi ialah tempoh masa untuk memohon status kerakyatan. Pemohon kerakyatan, masih ada rakyat tempatan di Sarawak belum dapat mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan khas rakyat di kawasan pedalaman.

Saya dimaklumkan ada kekeliruan- *confusion* tentang hal masa, tempoh memohon dalam masa satu tahun saja. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri tentang isu ini. Saya takut ia akan menjadi perkara isu dalam pilihan raya akan datang nanti. Kementerian Kesihatan, adakah Kementerian Kesihatan dan Kementerian Alam Sekitar dan Air sentiasa memantau cara klinik swasta, hospital dalam dan juga awam serta klinik desa di pedalaman membuang sampah-sarap? Apakah SOP yang sentiasa diikuti?

Kuarters atau setinggan. Merujuk kepada polisi yang lalu bernama *Zero Squatters 2005*, adakah ini akan dijalankan lagi? Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apakah hasil penyelidikan dan *progress* mengenai program mengatasi masalah setinggan di sekitar bandar? Adakah koloni setinggan ada kurang sekarang atau meningkatkan lagi? Saya ingin tanya bahawa adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai data mengenai pertumbuhan kampung-kampung atau genturong yang tidak diiktiraf di kawasan-kawasan?

#### ■1400

Adakah rancangan atau cara yang sesuai dan efektif untuk mengatasi masalah seperti ini? Ini kerana masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tutupkannya.

**Datuk Paul Igai:** Ya, sebelum saya tutup saya ada serangkap pantun lagi.

*Hendak berlayar di Teluk Betong;  
Saya sambil mencuba labuhkan pukut;  
Bulat air kerana pembedung;  
Bulat manusia kerana muafakat.*

Dengan itu saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Paul Igai. Untuk makluman Dewan, saya cuma ada masa tambahan sebanyak 15 minit. Kita ada lagi tiga orang pembahas. Kalau boleh hendak bagi peluang semua. Saya minta seorang lima minit. Kalau lebih 15 minit kita kena buat usul jadi benda itu nanti panjang. Jadi saya minta kita habis dua suku.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

## **2.01 ptg.**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira kerana rakan di sebelah saya telah diangkat sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Tahniah Dato' Seri.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang kita bahaskan ini sama penting bukan sahaja untuk meluluskan tetapi memastikan bagaimana ia hendak dilaksanakan kepada rakyat. Itu kita kurang berbahas di sini. Sebenarnya yang akan menentukan bajet ini efektif ataupun tidak ialah apabila ia dilaksanakan kepada rakyat.

Mengambil kira perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada semua negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mahupun juga dilantik oleh negeri-negeri, saya berasa sangat terkilan kerana pengajaran yang diajar oleh COVID-19 Tuan Yang di-Pertua pada pandangan saya, angka-angka yang dibaca oleh rakan saya tadi, Yang Berhormat Datuk Paul Igai di peringkat Malaysia mahupun di peringkat dunia tiada satu pun kita mengambil pengajaran dengan sewajarnya.

COVID-19 tidak mengenal bangsa. COVID-19 tidak mengenal kaya, miskin. COVID-19 tidak mengenal latar belakang. COVID-19 hatta negara sekuat Amerika gagal menguruskan dengan baik. Hatta, COVID-19 menunjukkan bahawa kegagalan kita menjaga mereka yang *vulnerable*, pekerja asing dan orang kurang upaya. Akan tetapi, apa yang kita persembahkan dalam perancangan untuk menangani COVID-19 tidak langsung mengambil pengajaran COVID itu sendiri.

Seingat saya Tuan Yang di-Pertua, malah di dalam khutbah terakhir Nabi Muhammad SAW iaitu di Hajjatul Wida', Dia mengatakan ketika itu bahawa, dia mengingatkan kita kerana dikatakan bahawa dia mungkin tidak akan berjumpa dengan kita lagi. Sehingga dia

mengingatkan kita bahawa kita ini adalah sama. Apa yang membezakan kita hanyalah adalah satu iaitu amal kita, ibadat kita.

Jadi saya menjangkakan kerajaan atas nama Kerajaan Perikatan Nasional sebagainya, saya melihat perkara itu berlaku kerana mengambil kira perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat mewakili terutama Yang Berhormat Senator Tuan Akmaz mewakili orang Siam. Saya dengar menekuni. Beliau mengatakan kenapa masih lagi ada jalur-jalur yang tidak melayan rakyat Malaysia sekitar 32 juta itu sama.

Bagi saya Orang Siam kah, Orang Asli kah, Orang Iban, Kadazan, Cina kah dan India kah, saya rasa mereka ini ialah mereka yang perlu diadili dan malah ingin saya tegaskan di sini, inilah cabaran utama belanjawan ini.

Cabaran pertama belanjawan ini bagi saya ada tiga untuk memastikan ia efektif. Pertama sekali, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the trust of the government*. Ini perbelanjaan ialah Menteri Kewangan daripada Kerajaan Perikatan Nasional. Akan tetapi hari ini usul yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat hampir 20 lebih bukan sahaja daripada pembangkang, ada juga daripada kerajaan tetapi ia tidak didengar terlebih dahulu. Adakah usul itu sama dengan usul yang kita anggap perlu diberi keutamaan, usul kerajaan? Tidak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan bahawa usul untuk menentukan keabsahan sesuatu kerajaan akan menentukan bahawa belanjawan itu diyakini. Kalau isu keyakinan, *the confidence of the government* sehingga hari ini tidak diselesaikan, saya kuarir apa yang dikatakan oleh *Fitch*. *Fitch* menampelak kita sehinggakan *rating* kita jatuh Tuan Yang di-Pertua daripada bagus kepada teruk, tiga.

Antaranya ialah keyakinan. Kedua, ialah hutang. Saya bertanya kepada Menteri baru-baru, Menteri menjawab dalam Dewan ini. Hutang negara ini dikawal oleh Perlembagaan. Tidak boleh melebihi 60 peratus daripada KDNK. Sekarang hutang kita ialah RM818.2 bilion seperti yang dilaporkan Menteri sehingga November dan telah mencecah 56.8 peratus hutang tersebut.

Bayangkan apabila pakej ini dilaksanakan dengan secara keseluruhan saya kuarir hutang Malaysia akan mencecah melangkaui had statutori yang telah dibenarkan. Kalau itu berlaku bahawa perkara tersebut tidak mempunyai asas Perlembagaan dan asas undang-undang dan perkara tersebut Menteri Kewangan perlu datang ke Dewan yang mulia ini dan meminta kebenaran. Kalau tidak benda itu perkara yang, dengan izin, *unconstitutional*.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bahaskan selama ini, seminggu lebih sikit, Dewan Rakyat dua minggu lebih. Dewan Negara ini diwujudkan seingat saya di bawah Perenggan 64, ayat digunakan Dewan ini perlu menjadi Dewan yang berpengaruh, Dewan



untuk kita berbahas, *as an interact your forum* dan ayat yang digunakan, "*Is not secondary importance*".

Akan tetapi, apabila saya melihat atur cara dan sebagainya Dewan ini diadili seolah-olah kita adalah *secondary importance*. Jadi, dengan izin, saya katakan di sini selagi mana isu usul keyakinan kepada kerajaan itu tidak dileraikan, saya mohon Menteri menjelaskan. Saya khuatir keberkesanan belanjawan ini untuk turun kepada rakyat akan terjejas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

### **2.07 ptg.**

**Puan Rita Sarimah a/kPatrick Insol:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Bajet 2021 dan di kesempatan ini saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai Perbendaharaan atas usaha menzahirkan bajet ini.

Serangan COVID-19 ke atas negara telah menyebabkan Malaysia dilanda krisis ekonomi yang terburuk sejak era *the great depression* dan satu kesan langsung ramai kehilangan pekerjaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pada bulan Oktober tahun ini dipetik oleh akhbar menyatakan bahawa seramai 800 ribu orang- kehilangan pekerjaan sejak COVID-19 melanda negara. Sungguhpun, pengangguran telah menurun daripada 5.4 peratus pada bulan Mei tahun ini kepada 4.6 peratus pada September, namun jumlah yang menganggur adalah masih tinggi dianggarkan sekitar 738 ribu orang.

Oleh hal demikian, inisiatif kerajaan untuk menubuhkan Majlis Pekerjaan Negara adalah amat tepat dan menepati matlamat bajet yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.

Bajet menyasarkan 500 ribu peluang pekerjaan baharu termasuk pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula. Dalam perkara ini, saya menyarankan supaya Majlis Pekerjaan Negara mencari penyelesaian yang menyeluruh dan muktamad ke atas masalah beribu-ribu pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi yang bakal kehilangan pekerjaan bila tempoh kontrak mereka tamat pada tahun depan.

Saya percaya ada di antara mereka berpotensi menjadi khazanah kepakaran kita yang boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan khususnya di kawasan pedalaman dan di setengah-tengah bandar di Sarawak akses kepada rawatan perubatan yang berkualiti masih terbatas. Setidak-tidaknya berkaitan dengan perkara ini kerajaan harus berkewajipan

moral untuk menubuhkan pusat jantung dan pusat kanser di kawasan utara Sarawak demi kesejahteraan rakyat mendapatkan akses kepada rawatan yang berkualiti.

Saya berpendapat kerajaan perlu membangunkan pasaran baru bagi perkhidmatan perubatan dengan menarik pelancongan perubatan. Saya dapati daripada statistik yang telah dikumpulkan oleh Majlis Pelancongan Perubatan Malaysia, pertumbuhan amat menggalakkan pada beberapa tahun sehingga sebelum COVID melanda iaitu pada kadar 16 hingga 17 peratus dan telah mendatangkan pendapatan sebanyak RM1.8 bilion kepada negara.

#### ■1410

Jadi, ini merupakan satu pasaran baharu yang boleh dibangunkan oleh kerajaan untuk menempatkan doktor-doktor muda kita.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik bantuan kepada petani, peladang dan nelayan. Rata-rata penoreh getah, pesawah padi dan penanam sawit yang diselia oleh FELDA, FELCRA dan SALCRA diperuntukkan bajet. Bagi penoreh getah dan juga pesawah, disediakan *safety net* yang sewajarnya. Akan tetapi, saya kecewa pekebun kecil persendirian sawit tidak disediakan *safety net* yang serupa bila harga sawit turun. Bila sedikit sahaja harga sawit naik dan mulalah kerajaan hendak mengenakan caj Ses tambahan seperti mana yang telah dicadangkan oleh Kementerian MPIC baru-baru ini.

Untuk perkara yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kerajaan memperuntukkan bantuan untuk membaik pulih jalan ladang demi meningkatkan pendapatan pekebun kecil persendirian. Pada musim tengkujuh seperti sekarang, banyak buah tidak dapat dikeluarkan kerana jalan yang licin. Kerja baik pulih jalan ladang yang melibatkan membekal dan meratakan batu ke atas jalan tanah memakan kos yang tinggi dan di luar kemampuan pekebun kecil persendirian.

Pada pendapat saya, bantuan yang sedemikian adalah strategik kerana ia berpotensi mengeluarkan pekebun kecil persendirian yang mempunyai *acreage* yang agak besar, mengeluarkan mereka daripada kancas kemiskinan. Oleh itu, saya berharap kerajaan akan memberikan bantuan yang sewajarnya, satu *safety net* kepada pekebun kecil sawit persendirian.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, dengan subsidi baja. Pekebun kecil merintih bertahun-tahun sejak tahun 2016 apabila harga sawit menurun dan sedikit sahaja yang naik pada tahun ini. Kerajaan telah mencadangkan untuk mengenakan caj ses sebanyak RM5 satu tan dan ini amat membebankan pekebun kecil sawit persendirian kerana pada masa sekarang, cukai ses yang telah dikenakan adalah sebanyak RM14 satu tan dan di Sabah dan Sarawak, kita juga dikenakan ses- cukai jualan ke atas minyak sawit yang kita jual.

Jadi, kita cadangkan apa-apa dana yang diperlukan oleh kementerian atau MPOB untuk mengadakan kajian automasi ladang, diambil atau diperoleh daripada cukai durian

runtuh di mana berdasarkan kenyataan media oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini. Pada tahun ini Malaysia diunjurkan memperoleh RM348 juta dan pada tahun hadapan, RM500 juta daripada cukai durian runtuh kerana harga minyak sawit mentah yang berada di atas mengatasi paras ambang yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan perbahasan saya, saya menghargai bahawa Kementerian Kewangan menyelaraskan bajet ini dengan Matlamat Pembangunan Lestari iaitu Agenda 2030 yang diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dipersetujui oleh Malaysia. Saya harap kerajaan bukan sekadar menyelaraskan SDG dengan bajet kita tetapi juga mengambil tindakan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, masa sudah tidak ada lagi.

**Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol:** ...Yang sewajarnya untuk membuat semakan *review* dan *performance* dan sebagainya. Minta maaf, saya menyokong bajet ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 22 Disember 2020. Sekian, terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.15 petang]***